



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK MOHD SALIZAN BIN ABDUL RAHMAN  
PENGUKIR KAYU TRADISIONAL PANTAI TIMUR**

**OLEH:**

<b>FAIRUZ SYAIRAH BINTI ABDUL KARIM</b>	<b>2022977767</b>
<b>MUHAMMAD ZAKIR IFUAN BIN MOHD NAZRI</b>	<b>2022909765</b>

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2024 – OGOS 2024)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK MOHD SALIZAN BIN ABDUL RAHMAN  
PENGUKIR KAYU TRADISIONAL PANTAI TIMUR**

**OLEH:**

<b>FAIRUZ SYAIRAH BINTI ABDUL KARIM</b>	<b>2022977767</b>
<b>MUHAMMAD ZAKIR IFUAN BIN MOHD NAZRI</b>	<b>2022909765</b>

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2024 – OGOS 2024)**

# **PENGHARGAAN**

## **PENGHARGAAN**

Syukur Alhamdulillah kehadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat kami menyempurnakan tugas bagi kod IMR604 PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN ini dengan jayanya. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Nurulannisa Binti Abdullah, selaku pensyarah kami kerana telah meletakkan sepenuh kepercayaan beliau kepada kami untuk melaksanakan tugas yang diberikan dan tidak berputus-asa untuk memberi tunjuk ajar kepada kami sepanjang menyempurnakan tugas yang diberikan. Selain itu, kami turut berterima kasih kepada Encik Mohd Salizan Bin Abd Rahman kerana sudi meluangkan masa dan memberi kerjasama yang sangat baik sepanjang tempoh temubual ini dijalankan. Kami berasa sangat bertuah kerana tokoh yang dipilih sangat baik hati dan mudah didekati.

Sekian, Terima Kasih

# **ABSTRAK**

# **ABSTRAK**

**Abstrak:** Temubual ini dilakukan bersama seorang insan yang diberi gelaran “The Royal Carver” iaitu Encik Mohd Salizan Bin Abd Rahman untuk mengetahui tentang perincian berkaitan dengan seni ukiran kayu dan singgahsana diraja kerana beliau adalah orang yang berkemahiran dan berpengetahuan di dalam bidang ini. Temubual ini telah dijalankan secara atas talian menggunakan platform “Google Meet”. Tarikh temubual tersebut adalah pada 13 Jun 2024 bermula pada jam 2.30 petang hingga 4.30 petang. Encik Mohd Salizan Bin Abd Rahman adalah Ketua Pakatan Juru Ukir Tradisional. Encik Mohd Salizan Bin Abd Rahman mula bekerja sebagai arkitek bermula dari tahun 1994 hingga 1998 dan pada tahun 1998 hingga 2005 beliau mula berkhidmat dengan Hj Abd Rahman Long iaitu bapa beliau sehingga dinaikkan pangkat ke jawatan Ketua Pakatan Juru Ukir Tradisional yang bermula pada tahun 2005 hingga kini. Tugas Encik Mohd Salizan Bin Abd Rahman tidak hanya terhad kepada jawatan sebagai Ketua Pakatan Juru Ukir Tradisional tapi juga sebagai pengukir yang menghasilkan pelbagai karya. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh Encik Mohd Salizan Bin Abd Rahman semasa berkhidmat di dalam bidang seni ukiran kayu. Senarai soalan juga telah disediakan untuk ditanyakan kepada tokoh. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang. Kajian sejarah lisan ini diharapkan dapat membantu orang lain mengenali dan menghargai penggiat seni tanah air kita.

**Kata kunci:** *Sejarah Lisan, Temubual, Ukiran Kayu, Singgahsana, Pengukir Kayu*

# **ABSTRACT**

**Abstract:** This interview was conducted with a person known as "The Royal Carver," Mr. Mohd Salizan Bin Abd Rahman, to learn about the details related to the art of wood carving and the royal throne, as he is skilled and knowledgeable in this field. The interview was conducted online using the "Google Meet" platform. The date of the interview was June 13, 2024, starting at 2:30 PM and ending at 4:30 PM. Mr. Mohd Salizan Bin Abd Rahman is the Head of Pakatan Juru Ukir Tradisional. Mr. Mohd Salizan Bin Abd Rahman started working as an architect from 1994 to 1998, and from 1998 to 2005, he began serving with Hj Abd Rahman Long, his father, until he was promoted to the position of Head of Pakatan Juru Ukir Tradisional, a position he has held from 2005 until now. Mr. Mohd Salizan Bin Abd Rahman's duties are not limited to his role as Head of Pakatan Juru Ukir Tradisional but also as a carver producing various works. Mr. Mohd Salizan Bin Abd Rahman has faced many tests and challenges while serving in the field of wood carving art. A list of questions was also prepared to ask this figure. His life and career history can serve as a source of inspiration for everyone. This oral history study is hoped to help others recognize and appreciate our country's art practitioners.

**Keyword:** *Oral History, Interview, Wood Carving, Thrones, Wood Carver*

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	ii
Isi kandungan.....	iii
Biodata Penemubual.....	iv
Biodata Tokoh.....	v
Pengenalan.....	vi
Transkrip	
Bahagian 1 – Latar Belakang Tokoh.....	1
Bahagian 2 – Seni Ukiran Kayu.....	5
Bahagian 3 – Singgahsana Diraja.....	18
Bahagian 4 – Latar belakang Syarikat Pakatan Juru Ukir Tradisional.....	32
Bahagian 5 – Sumbangan.....	36
Bahagian 6 – Harapan.....	41
Lampiran	
Log Wawancara.....	48
Diari Kajian.....	52
Senarai Soalan.....	55
Surat Perjanjian.....	61
Gambar.....	62
Sijil Penghargaan.....	64
Indeks.....	65

# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA TOKOH**



**NAMA** : Mohd Salizan Bin Abd Rahman  
**TARIKH LAHIR** :  
**TEMPAT LAHIR** : Besut, Terengganu  
**ALAMAT** : , Besut,  
Terengganu  
**NOMBOT TELEFON** :  
**BIDANG** : Ukiran kayu

# **PENGENALAN**

## **PENGENALAN**

Sejarah lisan dijalankan dengan menemubual pengukir kayu dan singgahsana dengan tujuan utama iaitu untuk menjadikannya sebagai satu sejarah lisan yang sentiasa akan disimpan di arkib negara Malaysia dan semua pihak boleh merujuk sejarah lisan ini di kemudian hari untuk mengetahui tentang kerjaya pelukis tersebut sepanjang bergelar sebagai penggiat seni tanah air ini.

Sejarah lisan ini dengan jayanya dapat disempurnakan dengan kerjasama antara tokoh kami iaitu Encik Mohd Salizan Bin Abd Rahman dengan dua pelajar Universiti Teknologi Mara Cawangan Machang, Kelantan iaitu Fairuz Syairah Binti Abdul Karim dan Muhammad Zakir Ifuan Bin Mohd Nazri. Sejarah lisan ini dijalankan secara atas talian menggunakan platform “*Google Meet*” di kediaman masing-masing.

Encik Mohd Salizan Bin Abd Rahman dipilih sebagai tokoh untuk ditemubual kerana beliau adalah seorang pengukir kayu yang telah lama menapak di dalam industri seni tanah air sejak mula berkecimpung pada tahun 1998. Sehingga sekarang beliau masih lagi aktif di dalam industri bidang ukiran kayu di Malaysia. Encik Salizan adalah seorang yang mudah didekati, ramah mesra serta berbudi pekerti dan ianya membuatkan sesi temubual berjalan lancar.

Diharapkan dengan laporan sejarah lisan ini dapat memberi pengetahuan baharu kepada mereka diluar sana untuk mengenali mengenai sejarah lisan ini serta proses-proses yang harus dilalui bagi menjayakan sejarah lisan ini.

# **TRANSKRIP**

# **TRANSKRIPT**

Rakaman ini berkisahkan tentang kisah seorang pengukir kayu yang terulung di Malaysia. Beliau merupakan salah seorang pengukir kayu dan singgahsana yang tinggal di negeri Terengganu iaitu Mohd Salizan Bin Abd Rahman. Rakaman ini dijalankan secara atas talian menggunakan platform “*Google Meet*” di kediaman masing-masing. Wawancara ini diadakan pada 13 Jun 2024 pada jam 2.30 petang. Wawancara ini dikendalikan oleh Muhammad Zakir Ifuan Bin Mohd Nazri dan Fairuz Syairah Binti Abdul Karim. Berikut adalah hasil wawancara.

## **PETUNJUK**

EMS: Encik Mohd Salizan Bin Abd Rahman

FS: Fairuz Syairah Binti Abdul Karim

MZI: Muhammad Zakir Ifuan Bin Mohd Nazri

## **Bahagian 1 - Latar Belakang Tokoh**

**MZI : Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

**Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang tokoh seni ukiran kayu dan seni bina singgahsana diraja. Bersama kami ialah Encik Mohd Salizan Bin Abd Rahman yang merupakan seorang yang digelar sebagai “*The Royal Carver*” pada tahun 2012. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 13 Jun 2024 bersamaan dengan hari Khamis pada pukul 2.31 petang secara atas talian menggunakan “*Google Meet*”. Temubual ini dikendalikan oleh saya Muhammad Zakir Ifuan Bin Mohd Nazri.**

**FS : Dan saya Fairuz Syairah Binti Abdul Karim.**

**MZI : Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan. Okey, boleh encik perkenal**

**kan *sikit* [sedikit] apakah nama encik?**

EMS : Baik, nama saya Mohd Salizan Bin Abd Rahman.

**MZI : Ya, berapakah umur encik?**

EMS : Umur saya sekarang sudah

**MZI : Dimanakah encik dilahirkan?**

EMS : Besut, Terengganu.

**MZI : Sekarang encik menetap disitu lagi atau macam mana?**

EMS : Sekarang saya menetap di Kuala Lumpur. Di Puchong, Kuala Lumpur, tetapi saya ulang alik ke sana sebab saya punya kilang dekat Besut. Dan dekat KL [Kuala Lumpur] saya ada jugak tetapi *office* [pejabat] *je* [sahaja].

**MZI : Adakah encik sudah berkahwin?**

EMS : Ya sudah.

**MZI** : Dikurniakan berapa cahaya mata?

EMS : Saya ada

**MZI** : Okey. Boleh saya *tau* [tahu] apakah hobi encik di waktu lapang?

EMS : Hobi waktu lapang eh? (Berfikir) Selain dari buat ukiran kayu?

**MZI** : Ya betul.

EMS : Saya suka *outdoor* [aktiviti luar]. Saya suka *travel* [mengembara]. Jadi satu Malaysia saya *travel* [mengembara]. Daripada Perlis sampai ke Johor. Selalunya pergi tempat-tempat yang bersejarah yang ada kerja-kerja kayu. So [Jadi] sambil-sambil itu kita pun menimba ilmu *jugak* [juga]. Ilmu kita timba dalam bidang ini kan dia *tak* [tidak] habis. Sambil-sambil *itu* saya pun minat *jugak* [juga] *mancing* [memancing]. Untuk *clear* [kosongkan] kita punya minda. Kadang kita *nak* [hendak] pergi *gak mancing* [juga memancing]. Itu *je* [sahaja].

**MZI** : Okey, boleh saya tahu sedikit sebanyak tentang encik bermula persekolahan rendah dan pada tahun bilakah encik bermula bersekolah?

EMS : Sekolah rendah saya di Sekolah Rendah Ismail Petra, Kota Bharu. Tahun *tak* [tidak]

ingatlah tahun berapa (ketawa). Tujuh puluhan rasanya tujuh puluh enam macam itu.

**MZI : Dalam lingkungan itu la?**

EMS : Ya tujuh puluh lima.

**FS : Okey, jadi encik sekolah menengah di mana dulu?**

EMS : Saya sekolah menengah Kota Bharu.

**FS : Jadi adakah encik melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi?**

EMS : *Lepastu* [selepas itu] saya ke Maktab Rendah Sains Mara Perlis, Beseri. Okey *lepastu* [selepas itu] saya buat apa itu persediaan untuk ke *oversea* [luar negara] *A Level* [Peringkat A], dekat Kuala Lumpur, seterusnya saya ke United Kingdom. Untuk buat diploma, *degree in architecture* [ijazah dalam seni bina].

**FS : Jadi apa kursus-kursus profesional lain yang pernah encik ikuti?**

EMS : Kursus profesional lain (berfikir) *takdelah* [tiadalah] (ketawa). Sebab lepas saya *graduate* [tamat belajar] *oversea* [luar negara] saya balik tahun sembilan puluh tujuh

[1997] (berfikir) so [jadi] saya jadi arkitek sekejap. Lebih kurang dua tahun. So [jadi] saya kerja dekat dengan *firm* [firma] swasta la. Masa *itu diorang* [mereka] tengah buat *KLIA* [Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur]. Masa tu tengah buat *KLIA* [Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur], *tak* [tidak] siap lagi tetapi tengah buat *KLIA* [Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur]. Saya sempat *time* [masa] *itu* sampai habis la *KLIA* [Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur] itu. Tahun dua ribu [2000] lebih kurang, *lepas* [selepas itu] saya berhenti. Habis projek *itu* saya berhenti. *And then* [Selepas itu] saya sambung bidang ukiran kayu ini sebab dia *family* [keluarga] punya *business* [perniagaan]. Daripada orang tua saya. So [jadi] saya *continue* [teruskan].

## Bahagian 2 - Seni Ukiran Kayu

**FS : Faham. Jadi seni ukiran kayu, berapa lama encik dalam bidang *ini*?**

EMS : Kalau ikutkan (berfikir) secara khususnya selepas saya berhenti daripada *architecture* [seni bina] tahun dua ribu [2000] sampai sekarang. So [jadi] lebih kurang dua puluh tahun lebih. Dua puluh empat tahun macam itu. Tetapi sebelum *ini* secara *informal* [tidak rasmi] *itu* kita (berfikir) belajar secara tengok-tengok sebab kita celik mata *je* [sahaja] duduk *kat* [dekat] bengkel kan. Itu *je* [sahaja], tengok orang *duk* [duduk] buat kerja so [jadi] itu kita punya pendidikan *informal* [tidak rasmi].

**FS : Apa pengiktirafan encik dalam bidang seni ukiran kayu ini?**

EMS : Pengiktirafan (berfikir) setakat *ini* kita telah masuk dalam Discovery Channel, *Asia Pacific region* [rantau asia pasifik] dia angkat saya sebagai “*Royal Carver*”. Masa itu kita tengah buat singgahsana Istana Negara, Jalan Duta yang baru itu. Masa itu tahun dua ribu sepuluh [2010], lepas saya berhenti saya masuk dekat situ. So [jadi] itulah. Sebab saya *tak* [tidak] banyak terlibat dalam mengajar, sebab saya lebih pada (berfikir) orang kata buat kerja maksudnya. *Hands-on* [praktikal] kerja jadi saya tidak ada kesempatan untuk pergi buat *lecture* [kuliah] pasal ukiran kayu apa semua. Saya lebih kepada orang kata *business* [perniagaan] punya *side* [bahagian].

**FS : Faham. Jadi ada *tak* [tidak] terdapat pengalaman atau kenangan yang telah membentuk cara encik berkarya?**

EMS : (Berfikir) Kepada saya kalau ukiran kayu ini dia ada ideologi-ideologi dia. Maksudnya kalau kita ikut agama dia ada mazhab-mazhab. Mazhab Syafie, Hanafi, Hambali macam itu. Macam ukiran kayu pun dia ada *jugak* [juga]. Sebab dia ada *style* [gaya] masing-masing kalau orang yang *familiar* [biasa] dengan ukiran kayu dia tahu *style* [gaya] ini. “Ini Rahman Long punya *style* [gaya]. Che Long punya *style* [gaya]”. So [jadi] kalau tengok *carving* [ukiran] yang lagi satu ini Latif Long, ini Bakawali. So [jadi] saya lebih kepada daripada *family* [keluarga] kita. Daripada Che Long. Che Long *ini* dia tak [tidak] macam terlalu tradisional. Jadi konsep kita ini kita punya *carving* [ukiran] *itu evergreen* [tidak lapuk] maksudnya dia lebih kepada moden kontemporari tetapi masih mengekalkan unsur-unsur tradisional.

**FS : Faham. Jadi boleh encik ceritakan *sikit* [sediki] sejarah berkenaan seni ukiran kayu *ini*?**

EMS : Sejarah, kalau *nak* [hendak] ikut sejarah itu panjang *jugak* [juga] cerita dia. Tetapi asalnya seni ukiran melayu dia mulanya pada zaman Kesultanan Melaka. Zaman agama Islam mula masuk ke Tanah Melayu. Sebelum ini kita lebih kepada unsur ukiran-ukiran yang unsur daripada Hindu, animisme. Ukiran kita ada banyak lembaga-lembaga, binatang-binatang, tetapi bila masuk *je* [sahaja] Islam jadi kita sudah berubah mengikut ajaran kita. Jadi kita banyak pakai flora. Flora itu maka kita bentuk dia disesuaikan dengan *medium* [bahan] yang kita pakai. *Medium* [bahan] yang selalu orang pakai dekat Tanah Melayu ini, kayu, batu kurang. Kalau *kat* [dekat] *Europe* [Eropah] apa semua *diorang* [mereka] pakai batu, plaster apa semua, *\_*, *marble* [marmar] tetapi kita *readily material* [sedia bahan] yang ada yang sesuai kita pakai, kayu. Kayu kita pun memang kayu kelas tinggi, kayu berat, kayu kelas A, kayu cengal, kayu merbau apa semua. Jadi itulah dia berkembang untuk kita berkarya mengikut ajaran Islam yang baru yang kita terima. Jadi dari situlah kita olah. *Kat* [dekat] dalam itu dia masukkan unsur-unsur islamik, sufisme, jadi kita perukiran melayu kita ini banyak makna. Daripada segi kemasyarakatan, agama kita pun ada dalam ukiran-ukiran melayu kita ini. Jadi sejarah dia lama. Jadi *nak* [hendak] *tau* [tahu] *exactly* [betul-betul] itu kita kena rujuk pada pakar-pakar tetapi secara umumnya dia mula berkembang masa kedatangan Islam dekat Tanah Melayu.

**FS : Jadi jenis kayu apa yang biasa digunakan?**

EMS : Kebiasaan dia ada *two parts* [dua bahagian], satu secara tradisinya ukiran yang bermutu tinggi ini dibuat dengan kayu yang bermutu tinggi *jugak* [juga], *so* [jadi], kayu cengal pilihan utamanya untuk ukiran kayu *ini* kita pakai kayu cengal. Disebabkan oleh dia punya ira-ira kayu dia itu, urat-urat kayu itu halus jadi kita

senang. Walaupun kayu itu keras tetapi dia senang untuk dibentuk, dia susah *nak* [hendak] pecah *compare* [berbanding] dengan kayu-kayu lembut. Kayu lembut ini kalau kita tolak sikit dia patah, jadi susah dan lambat kita nak menghasilkan karya-karya yang menarik. Jadi kayu untuk ukiran kayu ini biasanya kalau saya, saya pakai kayu cengal nombor satu. Nombor dua kita pakai kayu merbau. Okey, kalau *nak* [hendak] yang bajet *sikit* [sedikit] *so* [jadi] kita pakai kayu nyatoh. Lain-lain kayu pun ada kita pakai, kayu meranti pun ada, seraya pun ada, tetapi *actually* [sebenarnya] yang paling popular cengal dan merbau.

**MZI : Jadi macam contoh jenis kayu yang berbeza, dia ada *specific* [khusus] untuk buat jenis corak yang lain-lain?**

**EMS :** Okey macam ini, kalau kita pakai kayu cengal, hasil ukiran dia itu memang bermutu tinggi disebabkan oleh kepadatan dia punya urat dia. Jadi maksudnya kita boleh buat rekaan-rekaan yang menarik. Maka kalau kita kira sobek ukiran, kalau kita tebuk ukiran, bersilat orang panggil. Bersilat ini maknanya kita ukir kayu itu tenggelam timbul, kayu cengal ini dia perfect, orang ukir pun laju sebab dia *tak* [tidak] patah, payah *nak* [hendak] patah. *So* [jadi] sama *jugak* [juga] dengan merbau, merbau urat dia kasar sikit, tetapi dia *still* [masih] kayu keras, tetapi kalau *nak* [hendak] dibandingkan, macam nyatoh boleh *jugak* [juga]. Tetapi nyatoh kita *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] buat *intricate* [ukiran rumit] sebab kayu dia itu senang serpih. *So* [jadi] kayu bermutu tinggi akan menghasilkan ukiran yang bermutu tinggi *jugak* [juga].

**MZI : Macam encik cerita, jenis corak yang lain-lain, apakah jenis corak dalam ukiran kayu?**

EMS : Ada beberapa corak, yang kita cerita ini yang biasa guna. Satu corak geometri, geometri ini asal daripada timur tengah, islamik punya *region* [wilayah]. So [jadi] dia bentuk dia geometri Islam. Tetapi bila sampai dekat sini, bagi saya kalau geometri *saja* [sahaja] dia *tak* [tidak] *special* [istimewa]. Sebab kalau kita nak [hendak] terapkan dengan budaya kita, jadi kita sulamkan dia dengan ukiran motif-motif bunga tempatan. Jadi kalau tengok saya punya *design* [corak] geometri ini memang dia ada sulaman, daun kita itu sendiri akan membentuk corak geometri *itu*, dia *complement* [pelengkap]. So [jadi] dia jadi macam benda tu *evergreen* [tidak lapuk], *everlasting* [bertahan], orang tengok *tak* [tidak] jemu. Kalau tengok geometri *aje* [sahaja], nampak garis-garis itu. So [Jadi] macam *boring* [membosankan] *jugak* [juga]. Jadi kita sulamkan antara corak-corak itu, kita masukkan daun-daun kita, bunga-bunga kita, so [jadi] dia ada nilai tambah pada itu. Jadi yang keduanya adalah ukiran awan larat, itu memang sudah biasa, sudah sinonim dengan ukiran kayu. Awan larat ini sebenarnya adalah aturan ataupun susunan flora, tumbuh-tumbuhan, diukir atas kayu, kalau tidak diukir atas kayu dia *tak* [tidak] panggil awan larat. Sebab dia bunga-bunga ini mesti disesuaikan dengan *material* [bahan] yang kita pakai. Kalau misalnya kita *nak* [hendak] buat satu bunga, bunga raya katakan, jadi kalau kita *nak* [hendak] letak atas kayu, *tak* [tidak] sama dengan kita lukis di atas kanvas, atas kanvas kita boleh bagi dia *detail* [terperinci], dengan urat urat dia. Tetapi bila kita atas kayu, kita kena *simplified-kan* [permudahkan] dia, untuk memudahkan kita ukir dia, tetapi atas kreativiti pengukir itu sendiri macam mana dia *nak* [hendak] *represent design* [mewakilkan corak] itu atas kayu supaya orang tahu “ini bunga raya”, “ini bunga kemboja”, nampak iras-iras bunya kemboja, *takpun* [ataupun] nampak “eh ini bunga kesidang”. Jadi, kita *tak* [tidak] boleh buat,

macam atas kayu itu betul-betul jadi bunga kesidang, boleh buat tetapi orang *tak* [tidak] panggil awan larat. Awan larat ini dia lebih kepada orang kata abstrak. *Nak* [hendak] kata abstrak betul...*tak* [tidak], tetapi dia *in between* [di antara], dalam dua alam tetapi dia tengah tengah. Itu dipanggil ukiran awan larat, maknanya benda itu diatas pengukir, kreativiti pengukir macam mana dia susun seolah macam dia *ambil* [ambil] daun-daun itu dia letak atas meja . Dan selalunya ukiran melayu ini dia kena ada batang, batang yang menjalar. Dia *tak* [tidak] boleh *straight* [lurus], macam bunga raya, kalau kita *ambil* [ambil] batang bunga raya...*takdela* [tiadalah] seni dia sebab dia *straight* [lurus]*je* [sahaja] jadi biasa kita kena campur-campur, maksudnya orang yang buat *itu* dia *ambil* [ambil] batang pucuk kacang, *pastu* [selepas itu] pucuk kacang dia melingkar lingkar, logik la sebab kita *nak* [hendak] olah dia jadi satu komposisi, *so* [jadi] kita *ambil* [ambil] asas dia *itu* batang pucuk kacang, bunga takkan kita *nak* [hendak] pakai pucuk kacang sebab *tak* [tidak] cantik, *so* [jadi] kita boleh *ambil* [ambil] bunga raya, kita boleh *ambil* [ambil] bunga pepulut, jadi awan larat dia *tak* [tidak] kesah benda *itu*, jadi yang pentingnya olahan pengukir *itu*, dia ada *base* [asas] dia *dulu* [dahulu], *lepastu* [selepas itu] dia ada bunga dia, daun. Sama *jugak* [juga] daun, *tak* [tidak] semestinya pakai daun pucuk kacang. *So* [jadi] dia boleh pakai daun bunga raya, tengok kita punya komposisi macam mana. Itu secara ringkaslah, dia *actually* [sebenarnya] panjang cerita dia (ketawa).

**MZI : Okey, untuk buat corak mesti ada jenis-jenis teknik yang digunakan.**

**EMS : Ya betul**

**MZI : Apakah jenis teknik yang sering encik gunakan?**

EMS : Dia teknik ukiran kayu ini yang *popularnya* [terkenal] ada dua, satu tebuk tembus bersilat dan satu lagi tebuk separuh bersilat. Ada tiga yang tiga itu dia tebuk tembus *saja* [sahaja] dia *tak* [tidak] ukir, *so* [jadi] maksudnya motif dia berlainan, motif yang tebuk tembus *tak* [tidak] ukir ini dia macam wayang kulit, *you* [awak] biasa dengan wayang kulit *kan* [bukan]? *Shadowplay* [wayang kulit] itu. Okey, *so* [jadi], dia tebuk tembus tetapi bila dia letak *kat* [dekat] api, benda itu terpancar dekat kanvas, *kat* [dekat] layar, orang *tau* [tahu] “Ini wak long” “Ini wak dogo”, “Mayana” apa kan. Orang bukan *tau* [tahu] benda *itu colour* [warna] ke apa, tetapi sebab dia tebuk tembus *itu* orang boleh *tau* [tahu] *ini* watak dia. Sama *jugak* [juga] dengan ukiran kayu, kalau kita *nak* [hendak] ukir dia *itu* tebuk tembus, kita *tak* [tidak] boleh nak *design* [mereka bentuk] dia macam ukiran bersilat sebab nanti dia nampak bulat setongkol jadi *takde* [tidak] nampak apa benda sebenarnya bunga *itu* jadi kita kena *design* [mereka bentuk] yang tebuk tembus *saja* [sahaja] *ini in such a way that* [dengan cara sedemikian] orang boleh *recognise* [kenal] dengan bayang dia *pastu* [selepas itu] kita *tau* [tahu] “*ini* bunga raya”. Tetapi berlainan dengan tebuk tembus bersilat ini tebuk tembus ataupun tebuk separuh bersilat ini dia kena ukir, itu *takpe* [tidak mengapa] kita *nak* [hendak] *design* [mereka bentuk] macam mana *pun* [juga] *takpe* [tidak mengapa] sebab dia 3D. *So* [jadi], dengan sendiri muncul wajah manusia itu nampak wajah hidung, mata, apa semua. Kalau tebuk tembus ini dia nampak *silhouette* [bayang] *je* [sahaja]. Kita tengok ini lelaki, ini perempuan, macam *tu je* [itu sahaja]. *So* [jadi] dia ada tiga jenis yang *popular* [terkenal] saya pakai, maksudnya satu tebuk tembus bersilat, tebuk separuh bersilat dan tebuk tembus *tak* [tidak] ukir maksudnya. Dia tebuk tembus *saja* [sahaja]. Itu yang *very popular* [sangat terkenal].

**MZI** : Dari teknik *itu*, apakah inspirasi untuk setiap corak yang digunakan dalam ukiran?

EMS : Inspirasi.. (berfikir) Macam mana nak dapatkan idea itu ke apa?

**MZI** : Ya, macam daripada teknik yang digunakan, encik mendapat inspirasi macam menambah baikkan lagi motif ataupun ukiran itu?

EMS : Dia macam ini, kalau kita *nak* [hendak] *design* [mereka bentuk], kita kena tengok *kat* [dekat] mana kita *nak* [hendak] *design* [mereka bentuk] \_ samada di rumah ke, ataupun di istana ke, di dewan ke. Dia semua lain, *lepas* [selepas itu] tengok lokasi dia, macam kalau Kelantan ini memang dah macam orang pakai bunga pucuk kacang banyak, bunga pepulut. Tetapi kalau kita pergi macam dekat Perlis, Kedah ke. Kalau Perlis dia banyak pakai bunga kertas, *lepas* [selepas itu] kalau kita pergi ke Melaka, dia pakai bunga kesidang, *so* [jadi] kita ikut *locality* [kawasan] dia lah biasanya. Sebab biasa benda *ini special* [istimewa], *so* [jadi] kalau kita pergi tempat tempat *itu* orang akan tanya kita “saya *nak* [hendak] ukiran kayu, boleh *tak* [tidak] ukiran kayu *itu* mencerminkan tempat *itu*?” jadi daripada situlah keluar kita punya inspirasi *nak* [hendak] *design* [reka bentuk]. Kita pergi cari bunga negeri itu. Itu banyak kena jalan. Kita kena tengok masjid dia, kita kena tengok rumah penghulu dia, biasa bangsawan dulu memang ada ukiran, *so* [jadi] daripada situ kita tengok, dia punya lenggok *carving* [ukiran] macam ini, dia punya bunga, batang, daun dia pakai apa. Susunan-susunan dia itu kena tengok, dia berbeza. Kalau macam kita pergi ke Perak, banyak dia pakai ... (berfikir) daun sulam itu, yang tekap dekat kotak-kotak pakai benang emas itu, dia jenis itu. Sebab saya sudah *all over* [seluruh] Malaysia pergi buat kerja, biasa kita buat kerja itu memang orang *kat* [dekat] situ

memang akan *nak* [hendak] benda yang walaupun kita orang Besut, orang Terengganu, kita pergi ke sana kita kena buat bunga dia, sebab orang dia *takde* [tiada] yang boleh buat, sebab kebanyakan pengukir-pengukir ini yang hebat-hebat banyak duduk dekat belah Pantai Timur. Kelantan, Terengganu, Pahang *pun* [juga] ada, tetapi *tak* [tidak] seberapa. Tetapi yang *popular* [terkenal] daripada Besut. Saya Besut tetapi kita berhijrah ke Kota Bharu, *so* [jadi] kita *bukak* [buka] kilang kat Kota Bharu. Daripada Kota Bharu itu, tahun tujuh puluhan dulu ramai orang buat *carving* [ukiran]. *So* [jadi] dia tersebar *kat* [dekat] situ, orang *start* [mula] buat. *So* [jadi] semua asal daripada bengkel kita. *Pastu* [Selepas itu] kita pindah ke Terengganu, *so* [jadi] kita buka *kat* [dekat] Terengganu *pulak* [pula]. Sebab Terengganu itu kampung asal nenek moyang saya. Che Long itu dekat Terengganu memang dia *popular* [terkenal] dengan seni pertukangan buat rumah, buat ukiran macam-macam. Kalau kita berbalik cerita pasal inspirasi, *so* [jadi] maksudnya daripada tempat *pulak* [pula], kalau macam kita buat *kat* [dekat] istana, istana rumit *sikit* [sedikit], *because* [sebab] dia mesti *nak* [hendak] kelas A, kalau kayu pun kelas A, kalau ukiran pun kelas A. Rumit macam mana *tak* [tidak] kira, *so* [jadi] dia *nak* [hendak] cantik. Kalau balai *ini* dia *nak* [hendak] lebih kepada kemasyarakatan. Ada sikit-sikit *takpe* [tidak mengapa] *at least* [sekurang-kurangnya] ada unsur unsur kebudayaan. Ukiran melayu itu *nak* [hendak] nampak melayu, dia masuk ukiran melayu, kalau masuk benda lain *tak* [tidak] jadi. Kalau *nak* [hendak] aura melayu itu mesti ada ukiran walaupun *sikit* [sedikit].

**FS : Jadi apa peralatan asas yang perlu disediakan sebelum memulakan seni ukiran kayu ini?**

EMS : Okey, yang utama sekali pahatlah. Tengok orang, biasa dia ada set-set dia pahat ini. Kalau nak profesional dia buat sendiri, dia buat sendiri itu sebab dia nak *match* [sesuai] dengan gaya dia, cara dia *nak* [hendak] sobek, ukir kayu itu. Ada orang suka pakai pahat nombor dua, orang ini suka pakai pahat nombor tiga *lepastu* [selepas itu] dia ubah sikit *nak* [hendak] kena bengkok macam mana. Jadi peralatan utama pahat sebenarnya. *So* [jadi] pahat itu kalau dulu diorang buat sendiri, macam tukang-tukang saya dulu dia buat sendiri, dia *ambil* [ambil] daripada gergaji besi, mata gergaji kayu itu, dekat situ dia potong *and then* [dan kemudian] dia tempa sendiri. Sekarang senang dah, boleh beli *je* [sahaja] (ketawa). *Online* [atas talian] pun ada dah. Cuma ada gred-gred dia. Gred A, gred B, gred C. kalau nak belajar gred C, kalau yang profesional gred A ambik, *expensive* [mahal] la. *Lepastu* [Selepas itu] dia *nak* [hendak] tukul, kalau sekarang ini *tak* [tidak] sesusah macam dahulu. Sekarang ini dah ada mesin-mesin yang membantu. Mesin tebuk...kita ada *jigsaw* [gergaji], semua membantu kita buat ukiran, kalau dulu main gergaji tangan lambat *nak* [hendak] siap. Dulu satu kaki satu keping itu ambil masa seminggu, tetapi sekarang satu hari pun siap. *Nak* [hendak] laju lagi dia ada teknologi dia, peralatan dia. Pakai *CNC* [Computer Numerical Control] *machine* [mesin], macam saya pun ada pakai *CNC* [Computer Numerical Control], kita buat kerja sekarang *tak* [tidak] macam dulu, dulu orang tempah ukiran [itu] dia *nak* [hendak] *satisfaction* [kepuasan], maksudnya masa tiada masalah. Sekarang kalau kita masuk kerja “Eh *you* [awak] ada dua bulan”. Itulah maksudnya, kita kena pakai teknologi untuk tolong kita, *so* [jadi] kena pakai *CNC* [Computer Numerical Control], *very fast* [sangat laju], kalau *nak* [hendak] tebuk separuh ke, tebuk tembus ke. Kalau kita pakai *jigsaw* [gergaji] satu hari, kalau pakai *CNC* [Computer Numerical Control] *tak*

[tidak] sampai satu jam sudah siap tebuk. Tetapi untuk keaslian dia, ukiran itu kita kena pakai juga tangan, keaslian bentuk kena ada, *human touch* [sentuhan manusia]. Tetapi *tak* [tidak] dinafikan *CNC* [Computer Numerical Control] pun boleh pakai buat *carving* [ukiran], 3D pun boleh buat, tetapi orang *taknak* [tidak mahu], *mostly customer* [kebanyakan pelanggan] saya *taknak* [tidak mahu]. So [jadi] kita *plan* [rancang]. Kita *nak* [hendak] cepat, kita *tak* [tidak] payah pakai *jigsaw* [gergaji], kita pakai *CNC* [Computer Numerical Control], *the rest* [selebihnya] itu kita pakai tangan, \_ pakai tangan, *lepas* [selepas itu] ukir pakai tangan, tetapi itu maknanya kira kualiti ukiran kita itu bertambah lagi cantik, *pastu* [selepas itu] campur pula kita *handmade* [buatan tangan], pakai tangan dia lagi cantik.

**FS : Jadi macam mana encik memastikan ketelitian dan kesenian setiap butiran ukiran kayu itu?**

EMS : Itu yang paling penting, *start* [mula] daripada *design* [reka bentuk] itu saya diajar oleh orang tua kita, setiap *design* [reka bentuk] itu kena *perfect* [sempurna], setiap lengkung dia itu. Sebelum kita *design* [mereka bentuk] atas kayu, kita *design* [mereka bentuk] atas kertas dulu, so [jadi] atas kertas itu dah kena *perfect* [sempurna], dah *tak* [tidak] boleh ada macam ketar-ketar, dia kena *smooth* [licin] je [sahaja]. Daripada situ, baru kita tekap pada kayu, maksudnya dekat situ dia akan lari juga nanti lima peratus maknanya dia *tak* [tidak] *smooth* [licin] macam orang mula-mula buat, orang yang mula mula buat itu *grandmaster* [mahaguru], orang bawah yang tekap ini bukan *master* [pakar] dia tekap sahaja so [jadi] kadang-kadang itu *line* [garis] dia *tak* [tidak] *straight* [lurus]. Tetapi itu yang pentingnya orang yang mula-mula *design* [mereka bentuk] itu kena buat setepat mungkin, *lepas* [selepas

itu] baru orang tekap itu buat, baru orang mesin itu buat, so *quality control* [jadi kawalan kualiti] ini memang kena jaga dari awal-awal lagi. Masa orang mesin kita kena tengok, masa orang ukir pun kita kena tengok. Pastikan dia punya *uniform* [seragam], dia ukir itu maksudnya sama, sekata. Kita bukannya ada sorang pengukir, kita ada macam tiga atau empat orang pengukir, panel ada empat keping, kalau kita *tak* [tidak] tengok, nanti orang ini ukir dia jadi “Eh yang ini dalam”, “Yang ini tohor”. Kalau orang yang mata tajam dia macam banyak *complain* [merungut]. So [Jadi] kualiti itu kita kena jaga dalam masa mengukir itu lagi. Kalau ada silap masa itu la kita *repair* [baiki]. Tetapi kita kait pulak dengan teknologi, macam saya cerita tadi, orang yang tekap itu, dia punya *designer* [pereka bentuk] dah buat cantik, *pastu* [selepas itu] bila kita tekap mesti lari punya, so [jadi] situ la kita pakai *CNC* [Computer Numerical Control], daripada *designer* [pereka bentuk] terus *scan* [imbas] masuk dalam komputer, komputer pergi ke *CNC* [Computer Numerical Control] *machine* [mesin], satu peratus pun *tak* [tidak] lari, so [jadi] itu kita dah boleh *eliminate human error* [menghapuskan kesilapan manusia] masa *design* [reka bentuk] itu, situ memang kualiti *tiptop* [terbaik]. Kerja saya ini saya sentiasa cari jalan macam mana nak mempermudahkan hasil ukiran kita itu. Samada tebuk tembus ke, tebuk separuh ke, maksudnya kalau ada *machine* [mesin] ini memang lagi cantik, lagi kemas kerja dia.

**FS : Apa cabaran terbesar yang encik pernah hadapi dalam memastikan karya seni ini kekal relevan dalam pasaran moden?**

**EMS :** Cabaran dia satu ... (berfikir) nak tarik minat orang. Masalahnya sekarang ini bila dunia dah makin maju, minat orang itu dah banyak cabangan. Dulu kalau kita pergi

ke bandar-bandar kalau ada pesta ke, main gasing, main wau bulan, sekarang *takde* [tiada] dah. Wayang kulit pun sekarang dah *nak* [hendak] pupus. *So* [jadi] sama juga dengan ukiran kayu, cabaran dia macam itu. Dalam pada itu kita berusaha, cuba supaya ukiran kayu kita ini diminati, maksudnya kita kena buat benda itu *affordable* [mampu milik], mampu beli, kalau dulu payah *sikit* [sedikit], *nak* [hendak] kata dia mahal itu tak jugak, sebab nak buat dia itu susah, jadi *takkan* [tidak mungkin] orang itu buat kerja satu hari kita nak bayar dia dua puluh ringgit, sekurang-kurangnya dia nak enam puluh ringgit, tetapi bila enam puluh ringgit, bukan dia seorang *je* [sahaja], ada orang yang *sanding* [menggosok] lagi, cat lagi, bila kita *total* [jumlah] semua dah jadi 150 ringgit sekeping. Jadi *nak* [hendak] kekal minat supaya orang mampu beli, kita kena cari jalan macam mana kita *nak* [hendak] murahkan dia, kita berbalik pada teknologi, kalau kita *tak* [tidak] boleh buat macam 3D *design* [reka bentuk], ukiran bersilat itu, kita buat 2D, dia masih ada lagi unsur-unsur awan larat dia, kesenian dia, cuma tempat dia itu *limited* [terhad], kalau tebuk tembus dekat mana kita *nak* [hendak] letak, siku keluang mungkin, ataupun dekat pemidang. Tetapi macam 3D, mana-mana boleh letak. Tetapi yang paling penting adalah (berfikir) harga produk itu dan kita kena ada tempat macam mana orang nak jumpa benda itu. Macam saya ada *website* [laman web]. Macam itulah kita nakkekalkan supaya ukiran kayu kekal. *At least* [sekurang-kurangnya] orang kenal, sekarang ini kalau kita tak [tidak] buat apa dia hilang begitu, sayang. Saya suka cerita pasal ukiran kayu ini sebab saya banyak *travel* [mengembara], saya masa sekolah dulu saya belajar di *Europe* [Eropah]. Kita tengok seni ukiran kayu dia, zaman seratus [100] tahun, dua ratus [200] tahun, memang *very good* [sangat bagus] tetapi sekarang *takde* [tiada] orang buat dah, tinggal sejarah, kalau *nak* [hendak] buat harga dia memang *tak*

[tidak] logik sebab dia dah kira macam *highly specialised* [sangat khusus], benda itu memang artistik betul *so very expensive* [jadi sangat mahal], *even Italian* [walaupun orang Itali] semua itu *diorang* [mereka] *tak* [tidak] buat, *diorang* [mereka] buat dekat Indonesia, Vietnam. *At least* [sekurang-kurangnya] kita ada lagi benda ini, macam saya ini ada Persatuan Pengukir Malaysia, *so* [jadi] kita *fight* [lawan] benda itu, kalau kata benda ini *nak* [hendak] pupus dalam masa sepuluh tahun, kita boleh *drag* [heret] lagi sampai dua puluh tahun ke, tiga puluh tahun ke Alhamdulillah. Cuma cabaran yang terbesar itu satu, daripada segi tenaga kerja, sekarang kita tengok orang dah *tak* [tidak] minat sebab dah *takde* [tiada] kewangan rasanya (ketawa). Sekarang ini pun *diorang* [mereka] dah ada banyak cabang yang boleh pergi, *TVET* [Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional] apa semua. Kesenian dia dah tertinggal. Itu dari segi modal insan, satu lagi persaingan, daripada luar, barang luar masuk murah, kita masuk mahal, sebab dekat luar itu upah dia murah, kayu dia murah, kita kayu kita mahal, upah mahal.

### **Bahagian 3 – Singgahsana Diraja**

**FS : Mengikut kajian kami, encik pernah terlibat dalam penghasilan singgahsana diraja, jadi apa beza seni ukiran kayu biasa dan diraja?**

**EMS :** Biasanya bezanya daripada segi harga. Lagi *intricate* [rumit] ukiran itu, upah dia *nak* [hendak] ukir lagi mahal, daripada segi motif *tak* [tidak] banyak beza sangat, cumanya kalau motif untuk ukiran biasa ini dia lagi *simple* [ringkas]. Tujuan dia supaya benda itu lagi cepat siap, maknanya kos dia lagi murah. Kalau ukiran istana ini dia akan ambil masa yang lama Sebab panel-panel digunakan dekat istana itu *mostly* [kebanyakannya] besar dan tebal. Jadi itulah bezanya. Beza dia amat ketara daripada segi

harga. *Pastu* [Selepas itu] satu lagi masa *nak* [hendak] buat dia, kalau kita rumah biasa kita buat satu minggu siap satu. Kalau istana dia ambil masa sebulan *nak* [hendak] siap. Semua kayu tebal-tebal. *The next one is* [Seterusnya ialah] kayu, biasa rumah rumah biasa ini pakai kayu biasa *aje* [sahaja]. Kalau dekat kampung-kampung itu pakai kayu seraya sebab ukiran dia *tak* [tidak] rumit, kita boleh pakai kayu seraya *so* [jadi] dia *takdela* [tidak] serpih sangat. Kalau cengal ini dia memang bagus untuk ukiran yang rumit, kayu nyatoh, pakai dekat rumah biasa. Kalau Istana ini dia biasa akan pakai kayu cengal, paling paling kayu merbau, dua dua ini kayu keras Malaysia, kayu gred A. Merbau urat dia cantik, *colour* [warna] gelap *sikit* [sedikit], kayu cengal ini dia *colour* [warna] kuning, lama lama dia akan jadi makin gelap, tetapi daripada segi kualiti ukiran dia, kayu cengal *is the best* [adalah yang terbaik], kebanyakan istana dia akan pakai kayu cengal. Biasa kalau kita buat istana ini dia mesti ada singgahsana kecuali istana hinggap. Tetapi kalau istana negeri ini dia akan buat majlis-majlis pertabalan, hari jadi apa semua, mesti ada singgahsana. Singgahsana ini ukiran dia besar-besar dan ambil masa begitu lama *nak* [hendak] siap. Dan proses dia pun panjang nak dapat *design* [reka bentuk], *diorang* [mereka] *design very particular* [reka bentuk sangat khusus] sebab dia *taknak* [tidak mahu] sama. *Every* [Setiap] singgahsana itu dia lain daripada singgahsana lain, daripada segi reka bentuk dia. *So* [Jadi] itulah beza dia.

**MZI : Singgahsana diraja yang manakah yang pertama encik hasilkan?**

EMS : (Berfikir) Yang pertama yang saya buat *personally* [sendiri], Istana Anak Bukit Kedah iaitu selepas saya keluar daripada kerja swasta, itu singgahsana pertama saya buat, yang kedua Istana Negara Jalan Duta, *lepastu* [selepas itu] yang ketiga Istana

Terengganu, Istana itu nama dia Syarqiyyah, Permata Timur. Itu tiga singgahsana yang saya buat, tetapi kalau rekod dia kalau *kat* [dekat] Malaysia saya paling banyak sekali buat, Istana Kedah ada satu singgahsana, Istana Negara ada dua singgahsana dalam *itu*, so [jadi] tiga dah, Istana Terengganu ada tiga singgahsana. Satu Sultan punya, sebelah dia untuk dia punya \_, sebelah sini untuk anakanda dia, so [jadi] kalau cakap paling *challenging* [mencabar] *nak* [hendak] buat ialah Istana Negara, tetapi yang paling *interesting* [menarik] Istana Terengganu, kalau *nak* [hendak] dibandingkan, Istana Terengganu itu paling mahal. Istana Negara Okey *je* [sahaja], walaupun dia yang paling besar sekali, rumit *nak* [hendak] buat. Kalau tengok dalam Discovery Channel itu dia ada buat siri penuh, dia ada *cover* [merangkumi] macam mana kita nak buat istana itu, daripada tebang pokoknya atas bukit kita pergi, *pastu* [selepas itu] belah kayu dia, *start* [mula] macam mana *nak* [hendak] buat. Buat *structure* [struktur] besi dia. Saya ada *scan* [mengimbas] *you* [awak] punya soalan ini. Macam mana kita *nak* [hendak] buat *traditional building* [bangunan tradisional] dengan *style* [gaya] baru. Tetapi *still* [masih] nampak tradisional. *That is my expertise* [Itu adalah kepakaran saya] yang orang lain *takde* [tiada]. Kalau orang lain buat tiang, dia buat tiang betul. Tetapi saya *tak* [tidak]. Bila kita buat singgahsana ini kita *nak* [hendak] tengok kos dia, masa yang diambil, *pastu* [selepas itu] daripada segi kemudahan *nak* [hendak] buat itu. Kita *nak* [hendak] kurangkan kerumitan. Maknanya kita buat *planning* [perancangan], macam mana *nak* [hendak] cepatkan dia, so [jadi] macam Istana Negara itu *challenging* [mencabar] sebab *first time* [pertama kali] saya buat singgahsana itu kita *combine* [gabung] kayu dengan besi. Dia punya *structure* [struktur] dia besi, tetapi kalau kita tengok daripada luar dia kayu *je* [sahaja], betul-betul *takde* [tiada] nampak besi sebab kita balut besi itu dengan kayu, so [jadi] dia

punya tulang-tulang itu besi tetapi kita tutup dengan kayu, ukiran kayu. So [jadi] mana *part* [bahagian] yang besi itu kita salut juga dengan kayu. Tetapi kalau kita banding dengan istana lama, kalau kita pergi ke Jalan Istana, itu Istana Negara yang nombor satu dekat Jalan Istana, yang itu *takde* [tiada] pakai besi, yang itu kayu sepenuhnya, itu saya punya orang tua yang buat. Saya ini kira *lucky* [bertuah]. *The next one* [Yang seterusnya] Istana Negara, saya dapat buat, Alhamdulillah. Cumanya saya buat *method* [kaedah] lain, saya pakai *structure* [struktur] besi *and then* [dan seterusnya] kita \_ dia dengan kayu, so [jadi] dia seratus peratus nampak macam kayu. Tetapi masa *construction* [pembinaan] itu memang *challenging* [mencabar] sebab biasa singgahsana ini, biasa dia duduk dekat tengah-tengah bangunan dia *tak* [tidak] duduk *kat* [dekat] luar, so [jadi] bila *building* [bangunan] itu tengah buat masa itu kita *nak* [hendak] masuk. Dia punya jalan, lorong semua sempit, lampu *takde* [tiada] dengan gelap gelita, *lepastu* [selepas itu] dia punya *temperature* [suhu] empat puluh *degree* [darjah] . So [Jadi] itulah orang kata kenangan, tetapi *good experience* [pengalaman yang baik] pada saya, masa itu saya muda lagi. So [Jadi] yang paling menarik *is* [ialah] Istana Syarqiyah, dia ada paling banyak singgahsana, tetapi yang itu sebab istana sendiri dah cantik dah, dia buat istana itu secara *resort* [tempat peranginan] punya *style* [gaya]. Dia ada banyak *section* [bahagian] dalam bangunan. Dia ciri-ciri kebudayaan, kesenian itu banyak *kat* [dekat] situ berbanding dengan Istana Negara dia lagi formal, ruangan-ruangan dia formal dan besar. Terengganu ini dia *cozy* [selesaa], dia ada ruang untuk masukkan elemen-elemen tradisional. So [Jadi] kita banyak bagi *feedback* [maklum balas] pada dia, bagi nasihat *nak* [hendak] buat ini macam mana, itu macam mana, walaupun dia *tak* [tidak] pakai *service* [perkhidmatan] kita, tetapi dalam itu dia ada banyak \_ bukan ukiran kayu sahaja dengan dindingnya, *wallpaper*

[kertas dinding] apa semua. Tetapi yang itu menarik sebab *design* [reka bentuk] dia itu. Macam tiang, kita pakai besi *hollow* [kosong] *lepas* [selepas itu] kita balut dia dengan kayu, *so* [jadi] orang tengok benda itu kayu, *actually* [sebenarnya] dalam itu dia bukan *solid* [padat] kayu, dia besi. Setiap tiang itu kita akan ada lebih kurang tiga puluh *joint* [sendi], dekat keliling besi itu satu-satu kita ikat dia supaya dia jadi bulat. Itu memang *very interesting* [sangat menarik] cara buat dia. Semua singgahsana itu memang *cantilever* [terjulur]. *Cantilever* [terjulur] ini orang kata *challenging* [mencabar] dari segi *engineering* [kejuruteraan]. *Cantilever* [terjulur] itu maksud dia kalau kita buat pondok ada empat tiang, kerusi dekat tengah, kita duduk dekat tengah, bila kita *nak* [hendak] tengok orang, yang sudut dekat tepi ini kita *tak* [tidak] nampak orang, kita nampak tiang *je* [sahaja]. Jadi *nak* [hendak] elak benda itu, kita tarik tiang ke belakang, jadi benda itu jadi terjulur keluar dia punya songkok dia *itu*. *So* [Jadi] dia *cantilever* [terjulur], bila *cantilever* [terjulur] ini *that means* [maksudnya] dia masuk *engineering* [kejuruteraan]. Macam mana kita *nak* [hendak] kira supaya benda itu *tak* [tidak] terjatuh, kalau kita ada *background architecture* [latar belakang seni bina], dia ada *rules of thumb* [panduan]. Macam mana kita *nak* [hendak] susun supaya dia punya *weight* [berat] itu pergi ke mana, berapa, *pastu* [selepas itu] besi kita pakai berapa saiz dia, *once* [sekali] kita ada *background* [latar belakang] itu, kita tau berapa besar saiz. Bila kita bagi benda itu dekat *engineer* [jurutera], *engineer* [jurutera] *sign* [tandatangan] *aje* [sahaja], dia tengok Okey, *takde* [tiada] masalah. Sebab satu kita kena fikir dari segi keselamatan, Tuanku duduk bawah, kalau kita duduk dekat bawah *takde* [tiada] masalah (ketawa). Jadi kita *taknak* [tidak mahu] jadi apa apa, benda itu tumbang ke apa. Kalau kita tanam besi itu dalam konkrit, kena pastikan konkrit itu gred berapa, berapa dalam kita tanam dia sebelum kita pasang tiang-tiang itu. *So for*

*me* [Jadi bagi saya] menarik, benda baru yang orang lain *tak* [tidak] ada peluang lagi untuk tempuh, *so* [jadi] kita dah lalui benda itu, *so for me is an achievement* [jadi bagi saya adalah satu pencapaian].

**MZI : Okey, apakah warna dan motif yang sering digunakan dalam reka bentuk singgahsana dan adakah maksud disebalik setiap motif tersebut?**

EMS : Motif ini *standard* [biasanya] kalau kita buat untuk negara, dia akan pakai motif bunga raya sebab bunga raya itu melambangkan bunga kebangsaan kita. *So* [Jadi] kalau motif untuk negeri Terengganu ini, kita pakai bunga ketam guri memang dah sinonim dengan ukiran-ukiran di tempat bangsawan dekat Terengganu ini. Raja-raja ini memang banyak pakai motif itu. Jadi kalau dekat dengan Melaka kita pakai bunga kesidang macam saya *explain* [terangkan] tadi. Motif-motif dia itu bergantung kepada tempat yang kita hendak buat. Itu kalau cakap pasal istana, kalau parlimen lagi – bangunan parlimen yang baru kalau *you all* [kamu semua] tengok yang belakang speaker tu yang – itu kita orang yang buat. Dengan meja-meja sekali apa semua itu. *So* [Jadi] yang itu kita ada lima jenis bunga dekat situ, hendak melambangkan masyarakat majmuk dekat Malaysia kita ada bunga dayak ada, bunga melur ada, bunga Melayu ada, bunga (berpikir) saya pun lupa sudah tetapi ada lima bunga dekat situ.

**MZI : Okey, adakah terdapat peraturan atau pantang larang dalam pembuatan singgahsana diraja?**

EMS : Ada, ada yang tersirat dan ada yang tersurat apa semua itu. Tetapi bila kita nak buat itu biasanya orang istana akan *guide* [memberi panduan kepada] kita. Anak tangga, berapa *you all* [kamu semua] kena buat, anak tangga *you* [kamu] tidak boleh buat

genap, kena buat ganjil. So [Jadi] kalau kita perhati kita punya singgahsana dekat Malaysia ini semua ganjil sama ada tiga, lima, tujuh . Kalau Istana Negara dia ada tujuh . So [Jadi] biasa dia akan memberi makna tujuh petala langit, tujuh petala bumi macam itu. Kalau Istana Negara dia ada tujuh tiang, sama juga. Maksudnya dia ada *requirement* [keperluan] dia nanti akan diberikan oleh pihak istana. Even [Malah] bunga pun kadang-kadang kita tidak perlu *suggest* [cadangkan], “Okey, Encik Saliza saya nak bunga ni”. Tetapi *base* [asas] dia masih tetap kita gunakan pucuk kacang, pucuk kacang ini dia fleksibel dan cantik. So [jadi] satu lagi hendak pastikan yang bila kita *design* [reka bentuk] untuk tempat-tempat macam ini kita kena *be mindful* [beringat] dengan apa yang kita *design* [reka bentuk] supaya benda itu tidak nampak songsang dan kalau bunga kita *design* [reka bentuk] ini memang senang nampak songsang kalau kita tidak *familiar* [biasa] dengan *design* [reka bentuk] kita buat kita ukir benda itu nampak - seolah kalau kita ini menari katakan, kalau orang tidak pandai menari ini dia memang nampak janggal (ketawa) dia punya *movement* [pergerakan]. Macam juga orang tidak pandai bersilat tiba-tiba hendak bersilat, so [jadi] dia tidak menjadi. So [Jadi] sama juga dengan ukiran kayu ni dia ada *rules* [peraturan] dia. You [kamu] hendak melipat daun ini hendak melipat macam mana supaya lipatan itu tidak menjadi songsang. Sama juga dengan *the flow of* [aliran daripada] kita punya *stem* [batang] itu, kita punya batang-batang dia mesti tidak boleh patah, dia lembut sahaja pusing, tengok pusing. Kalau saya *design* [reka bentuk] benda itu, ada orang *design* [reka bentuk] dengan daun dan *start* [mula] dengan bunga, tetapi saya *start* [mula] dengan batang. Saya punya konsep saya belajar dengan orang tua benda itu *start* [mula] daripada batang. Bila kita tengok, *start* [mula] mata kita dia main psikologi juga kalau kita tengok benda itu satu komposisi orang nak tengok dia punya *flow*

[aliran] itu dekat mana. Dia punya bentuk kadang-kadang bentuk batang ukiran seri akan bentuk satu lagi corak bukan setakat bunga, tetapi batang itu akan membentuk sesuatu corak. *So* [jadi] corak atas corak macam itu. *So* [jadi] songsanglah, *keyword* [kata kunci] dekat sini kita tidak boleh *design* [reka bentuk] yang songsang. Tidak boleh, sebab itu orang nampak.

**FS : Jadi selain daripada singgahsana ini, adakah terdapat ukiran lain di istanna yang encik hasilkan selain dari singgahsana?**

EMS : Ada kita buat pintu, dinding, ukiran panel dinding dipanggil *wall panelling* [panel dinding]. Kita ada buat *wall panneling* [panel dinding], kita ada buat skrin. Skrin ni *divider* [pembahagi]. Kadang-kadang dalam istana itu *confirm* [semestinya] ada surau. *So* [jadi] kita buat surau dengan mimbar sekali. Memang dia tidak buat sembahyang Jumaat dalam itu tetapi kadang-kadang dia buat sembahyang raya, dia kena ada mimbar *so* [jadi] ada juga mimbar di dalam itu *and then* [dan seterusnya] kita buat siling *and then* [dan seterusnya] yang paling penting sekali pintu masuk (berpikir) pintu masuk itu biasanya mesti ada ukiranlah. Sebab orang kata singgahsana itu tempat dimana kemuncak *career* [kerjaya] seorang pengukir. Kalau *you* [kamu] boleh masuk kira *you* [kamu] dapat lesen besar, kalau memancing dapat ikan itu lesen besar. Sebab hendak masuk dekat disitu susah sebab *you have to prove yourself* [kamu perlu membuktikan diri kamu] maknanya *worth* [layak] hendak masuk di situ *because* [sebab] dah siap dah tidak boleh *complaint* [aduan] apa. *Because the thing is* [Kerana perkara itu] orang masuk orang suka *compare* [bandingkan]. Orang masuk “Eh, tidak cantiklah ukiran”, sudah hendak kena buka balik. *So* [jadi] *diorang* [mereka] paling pantang sekali bila dah siap itu pahat berbunyi. *So* [jadi] maknanya kita ada peluang

*oneshot* [sekali sahaja] maknanya *you* [kamu] buat satu kali mesti lulus macam itu. Tetapi satu lagi *I* [saya] nak ceritakan, kalau zaman sekarang ini orang *design* [reka bentuk], ramai orang buat *carving* [ukiran] dia ada *level* [tahap] dia. Kalau zaman sekarang ini kita hendak jual diri kita maksudnya kita *sell our self* [menonjolkan diri kita]. Macam mana kita hendak *sell our self* [menonjolkan diri kita] *so* [jadi] maknanya pengukir itu tidak boleh duduk di tahap lama, tahap kampung *you* [kamu] kena ke depan, mana teknologi yang *you* [kamu] ada *you* [kamu] kena *grab* [ambil]. Kalau *you* [kamu] tahu 3D okey *you* [kamu] buat 3D, okey *you* [kamu] tahu SketchUp *you* [kamu] kena buat SketchUp, *you* [kamu] ada AutoCAD *you* [kamu] kena pandai AutoCAD *because* [sebab] *I* [saya] cakap dekat *you* [kamu] benda ni akan tolong *you* [kamu] nanti, akan tolong kita. Masa saya buat *presentation* [pembentangan] orang biasa masuk bawak dua tiga helai kadang-kadang A4 paper [kertas A4] bawa tiga helai “Okey, *this is my proposal* [Ini adalah proposal saya].” Saya masuk tebal satu inci ataupun dua inci proposal saya semua macam ini (menunjukkan kertas) semua *printed* [bercetak], *color* [berwarna] semua, dengan bunga semua. Jadi kita kena *equip* [menggunakan] maknanya kalau kita buat istana itu mesti lengkap. Pintu *design* [reka bentuk] pintu, kalau *wall* [dinding] panjang itu ada bunga-bunga semua itu. *So* [jadi] *its sell* [ia terjual] kalau kita hendak orang itu bangga ataupun *respect* [menghormati] ukiran kayu kena buat macam itu.

**FS : Faham, jadi seterusnya apa teknik pemuliharaan untuk yang encik gunakan untuk pastikan singgahsana ini kekal dalam keadaan baik?**

EMS : Biasanya *maintenance* [penyelenggaraan]. Sebab itu di istana bila dia hendak buat istana kita hanya *propose* [cadangkan] dua kayu sahaja. Satu kayu cengal dan satu

kayu merbau sebab dua-dua kayu ini anai-anai tidak suka. *Once* [Sekali] anai-anai itu jumpa kayu yang dia hendak dia pergi ke kayu itu, *and then* [selepas itu] *on the way* [dalam perjalanan] dia pergi ke kayu itu akan makan habis kalau ada dinding *Plywood* [papan lapis] dia makan, kalau ada almari sebab almari itu jarang orang pakal kayu cengal biasanya kayu jati, kayu nyatoh *so* [jadi] dia makan. *And then* [Selepas itu], daripada segi *maintenance* [penyelenggaraan] maknanya kena cuci sahajalah, maknanya kena lap. Kalau *carving* [ukiran] biasanya *thanks to accumulate* [berterima kasih ke atas perkumpulan] habuk dia ada banyak lubang-lubang. *So* [Jadi] kalau kita biar dia enam bulan baru hendak cuci sekali, letih lah banyak kerja tetapi kalau kita *every week* [setiap minggu] kita sapu *should be Okey* [sepatuinya akan baik], kita sapu sajalah habuk jangan dia kumpul banyak. *So* [Jadi] itu sahaja lah *maintenance* [penyelenggaraan] dia. Kadang-kadang kayu ini memanglah kita duduk didalam *air conditioner* [penghawa dingin]. Biasanya istana ini *air conditioner* [penghawa dingin] *diorang* [mereka] buka bukan macam dekat *office* [pejabat] kita, *sejuk gila* [tersangat sejuk]. *Air conditioner* [Penghawa dingin] memang *full blast* [sepenuhnya] *so* [jadi] maknanya kayu ini barang *natural* [semula jadi], kalau batu dia dah mati tetapi kalau kayu ini bila sejuk dia kecut dan bila panas dia akan kembang sedikit sebanyak *so* [jadi] kadang-kadang dua tiga tahun dia akan akan nampak retak itu *actually* [sebenarnya] dekat – macam itu kita kena pergi buat *maintenance* [penyelenggaraan] pergi tutup balik, *filler* [mengisi] balik. *So* [Jadi] itu boleh bertahan lama. *Kitaorang* [Kami] buat dekat Istana Perlis dah tiga puluh tahun, daripada kita punya orang tua. Dia lah yang buat singgahsana itu *so* [jadi] saya dah pergi buat *maintenance* [penyelenggaraan] dekat sana sudah tiga atau empat kali sudah maknanya *every five years* [setiap lima tahun] *diorang* [mereka] panggil “Encik

Salizan datang tengok ada apa-apa.” rupanya anai-anai sudah makan. So [Jadi] kita buka dua tiang kita ganti tiang yang baharu. *Design* [reka bentuk] baharu. So [Jadi] *maintenance* [penyelenggaraan] dia kalau kita *dealing* [berurus] dengan *timber* [kayu] maknanya dia kena ada berkala. *Maintenance* [penyelenggaraan] berkala.

**FS : Jadi macam encik katakan dahulu encik belajar di luar negara, suka travel [mengembara]. Jadi apa beza ukiran kayu di Malaysia dan juga ukiran kayu di negara lain?**

EMS : Itulah daripada segi agama kita. *Pastu* [Selepas itu] kita lebih kepada islamik so [jadi] kita lebih kepada *floral* [flora]. *Absolute floral* [Sepenuhnya flora] takde kata ikan dekat situ, burung pun *takde* [tiada], semua floral ataupun buah. Buah pun kurang maknanya *floral* [flora] dengan bunga. Itu lambang cantiknya kita tetapi kalau kita pergi *oversea* [luar negara] kebanyakkan dia ada orang, dia buat lembaga-lembaga, ukir semua itu. So [Jadi] situlah kelainan dia *lepastu* [selepas itu] pula daripada segi *locality* [asal-usul] bunga-bunga dia suka pakai bunga *lotus* [teratai], bunga anggur, daun anggur semua itu *which is* [dimana] *takdelah* [tiadalah] cantik macam kitalah. Dia cantik pada daun itu, dia ukir bergeluk-geluk tetapi orang Melayu kita bukan setakat daun kita buat, dengan batang-batang dengan salur dia apa semua itu. Itu uniknya kita - kadang *Mat Saleh* [orang Inggeris] tengok dia *very impressed* [sangat teruja] tengok kita punya. *Explain* [Terangkan] dekat dia ini makna apa, ini makna apa. Dia macam “Eh, betul ke? Baguslah *excellent* [terbaik]” sebab kadang kadang kita pergi kita ambik gambar dia kata “Eh, *apasal* [kenapa] ambil gambar banyak sangat?” kita jawab “Takde, kita suka, saya minat.” Tetapi kalau *carving* [ukiran] kita tidak banyak *color* [warna]. Kalau kayu kita syelek sahaja sejak daripada zaman

dahulu macam itu kalau ada *color* [warna] dekat bot sahaja. Bot dekat laut itu adalah yang bangau, disebabkan *time* [semasa] itu dia tidak boleh pergi ke laut sebab musim tengkujuh \_ dia cat lah bot dia jadi *color* [berwarna]. Tetapi *basically* [pada asasnya] kita banyak tidak *color* [warna], kita macam *original nature* [sifat asli]. Tetapi kalau kita pergi dekat *oversea* [luar negara] banyak cat benda itu *mostly* [kebanyakannya] kalau tidak *silver* [perak], *gold* [emas] *color* [warna] dia.

**FS : Jadi biasanya kalau encik sudah siapkan singgahsana, apa reaksi atau maklumbalas dari pihak istana? Diorang [mereka] suka tak [tidak]?**

EMS : *Diorang* [Mereka] suka sebab satu banyak tapisan sebelum kita siap. Sebelum kita mula itu kita sudah berikan proposal, kadang-kadang *in* [dalam] 3D punya proposal dia sudah setuju maknanya tiadalah masalahkan *so* [jadi] dia *takde* [tiada] terkejut. *So* [Jadi] apa ada dalam *drawing* [lakaran] kita *exactly* [betul-betul] sama. Okey, satu contoh saya buat Istana Alam Shah, Klang. Ini Istana lama Alam Shah biasa dia banyak buat istiadat dekat situ lah. Kalau hendak pertabalan ke apa dia buat dekat Klang itu. Dulu Klang ini bandar diraja. Okey dia tukar pintu. *So* [jadi] dia hendak tukar pintu dia tidak tahu hendak siapa kan masa dia *tak* [tidak] kenal saya. *Lepastu* [Selepas itu] dia pergi ke *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] Shah Alam bahagian seni halus seni reka seni halus macam itu, Doktor Rosdi, Doktor Rashdi ke apa nama dia? Tidak sempat dengan *you all* [kamu semua] memang dia sudah pencen. *So* [Jadi] dia minta jabatan itu buat dia kata “Eh, payah lah”, dia pun bukannya bahagian seni ukiran dia seni lain. Seni arca, seni apa walaupun nama seni halus sebab sebelum ini dua tiga orang yang buat proposal itu semua Tuanku *reject* [tolak]. *So* [Jadi] dia mintak tolong kita dia tahu kita buat benda ini. *So what we do is* [Jadi apa yang kami buat

alah] kita masuk, kita tengok, kita buat *research* [kajian] Sultan Selangor ini asal daripada mana, dia keturunan apa. *So* [Jadi] dia keturunan bugis, *so* [jadi] bila dia keturunan bugis, okey kesenian bunga apa yang berkait dengan dia bangsa bugis. Hendak ambil bunga dekat mana *so* [jadi] tempat kita yang boleh tengok kalau macam kita tahu kita nak cari dekat mana kan. Maknanya kita pergi pada tempat yang paling rapat dengan dia. Kadang adat istiadat dia pakai itu, maksud keris. *So* [Jadi] kalau kita perhatikan keris ini dia punya hulu dia mesti ada bunga dekat hulu keris dia itu. *So* [Jadi] kita tengok, tidak sendiri kita minta keris dia maknanya dalam buku pun ada kan? *So* [Jadi] keris bugis apa semua itu. *So* [Jadi] daripada keris bugis itu kita tengok dia pakai bunga macam mana, daun dia macam mana. *So* [Jadi] kita ambil benda itu, *so* [jadi] kita *design* [reka bentuk] berdasarkan kepada bunga itu. *So* [Jadi] lahirlah pintu, pintu dia besar, pintu dekat istana itu pintu yang tiga kali orang *design* [reka bentuk], dia *reject* [menolak] semua. Bila dia *reject* [menolak], *so* [jadi] dia kata payah-payah *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] lah buat, – (ketawa). *So* [Jadi] bila kita buat proposal itu dekat dia, kita pergi jumpa sembah dekat Tuanku lah. Okey, Tuanku kata “Eh! Cantik bunga ini.” dia kata kan “Bunga apa ini awak pakai?” saya kata “Ini bunga bugislah.” daripada ukiran keris bugis. “Oh! Bagus-bagus, buat-buat”. *So* [Jadi] kita buat proposal satu kali sahaja lepas kan. Bila kita buat pintu itu, belum siap tengah buat dia datang kan. Dia datang dia tengok. Dia tengok dia senyap, dia masuk. *So* [Jadi] biasanya bila Tuanku datang kita tidak boleh buat kerja, kita kena duduk diam kan. Kita tidak boleh ada pahat atau tukul dekat tangan, tidak boleh. Dia kira macam ada agenda lain kan *so* [jadi] maksudnya kita tidak boleh buat kerja. *So* [Jadi] kita berdiri dekat tepi itu kan, dia angguk-angguk dia masuk. *Lepastu* [Selepas itu] dia masuk, kita sambung balik kerja kita, kita hendak pasang pintu, tengah *touch*

*up* [cantikkan] *lepastu* [selepas itu] sekali itu dia keluar, dia keluar dia ambil kerusi. Dia pergi duduk dekat pintu dia itu. Dia duduk, dia tengok, kita *suspense gila* [keadaan tegang] (ketawa). Seribu satu persoalan. Ada lah dekat sepuluh minit jugalah kita orang dekat tepi itu kan. *Nak* [Hendak] tegur tidak berani kan. Dia duduk, dia tengok ... kerut muka apa semua “Okey okey” dia kata. *Lepastu* [Selepas itu], tengok “Ini *you* [kamu] buat dengan mesin ke dengan tangan?” dia tanya. “Eh dengan tangan lah Tuanku. Patik buat dengan tangan”. “Eh yeke? Saya tengok macam mesin”. “Tak Tuanku dengan tangan” dia tidak percaya kan. Lepastu ada lah diorang punya orang pegawai istana itu dia datang bengkel kita kan “Tuanku betul diorang buat dengan ni. Diorang profesional ni”. “Okey, bagus-bagus cantik” dia kata “Saya puas hati” *lepastu* [selepas itu] balik kan. *So* [Jadi] hendak cakap nya dia sanggup ambil kerusi dekat dalam itu duduk dekat luar itu, duduk tengok *je* [sahaja] dekat ukiran kita itu. Sebab kita sebelum buat kerja itu kita buat *research* [kajian] dahulu. Apa yang *relate* [berkaitan] dengan dia. Jadi kata dia memang orang kata bukan kata fanatik, tidak. Dia bangga dengan keturunan bugis dia itu kan. *So* [Jadi] kita sentuh sikit bugis dia. “Okey, ini bunga bugis Tuanku. Ada keris bugis” habislah, kira okey lah. Tetapi itu lah sejarah kan. Banyaklah sejarah pergi macam Istana Perlis pun macam itu juga. Sebab sana Perlis, ringkas ringkas lah kita pasang dia punya *wall panel* [panel dinding] kan. *Wall panel* [Panel dinding] tambahan, singgahsana dah ada. *So* [Jadi] dia buat *wall panel* [panel dinding] baharu kan. Tiba-tiba datang belakang. Kita ingatkan orang biasa kan, kita buat kerja dalam rumah dia kan, dia memang duduk situ datang tengok. Terkejut lah kita “Eh! Tuanku” dia kata “Encik Salizan lambat lagi ke nak siap ni?” kita kata kepada dia “Patik rasa dalam dua minggu lagi” “Eh tak payah lah patik patik ni rumah saya. Cakap biasa biasa je [sahaja].” Itu *the bestlah* [Yang terbaik] Sultan

Perlis is the best [ialah yang terbaik]. Very humble [sangat rendah diri]. So [Jadi] dia tengok lah “Oo okey, cantik-cantik”, kita kata lah “Ini singgahsana tu ayah saya lagi buat” dia kata “Oh ya ke, patutlah bunga sama”. Actually [Sebenarnya], dia tidak sama pun sebab memanglah aliran dia daripada Che Long kan, Abdul Rahman, Rahman Bin Long kan tetapi boleh nampak lah dia punya continuation [penerusan] itu. Kita punya cara kita design [reka bentuk] itu sama macam saya kata dia ada mazhab dia. Kalau mazhab ini dia lain, kalau Wan Po lain cara dia, macam saya lain. So [Jadi] itulah melalut sikit tetapi tidak apa lah.

#### **Bahagian 4 – Latar belakang Syarikat Pakatan Juru Ukir Tradisional**

**MZI : Dari kajian kami, encik telah menubuhkan satu syarikat yang diberi nama Pakatan Juru Ukir Tradisional. Boleh encik ceritakan dimana lokasi syarikat encik?**

EMS : Okey macam ini dia asal syarikat yang mula-mula ditubuhkan Pakatan Juru Ukir Tradisional dia ditubuhkan pada tahun sembilan belas tujuh puluh lima [1975] secara rasminya. Sebelum ini dia dah ada tetapi belum ada syarikat lagi. So [Jadi] masa itu tidak ada satu lagi syarikat yang dekat Malaysia ini yang membuat ukiran kayu secara khusus. So [Jadi] kita cakap Pakatan Juru Ukir inilah yang dahulu yang buat. Jadi daripada syarikat Pakatan Juru Ukir ini lahir pengukir-pengukir baru. Dulu ramai lah at one time [pada suatu masa] kita ada dalam tujuh puluh orang pekerja. Masa itu kerja banyak masa itu Arkib Negara, Muzium Negara, Bank Bumi macam-macam ada, memang tidak menang tangan, so [jadi] banyaklah. So [Jadi] lepas itu dia start [mula] pada akhir lapan puluhan, awal sembilan puluhan dia start [mula] menurun. Maknanya demand [permintaan] itu sudah makin kurang kita terima. So [Jadi] lepas

daripada lepas pada itu tahun dua ribu lima [2005] kita buat Juru Ukir Tradisional Sendirian Berhad. Tujuan sendirian berhad ini dia lagi komersial lah sebenarnya. *So* [Jadi] yang Pakatan Juru Ukir ni syarikat lama *so* [jadi] kita *maintain* [mengekalkan] dia punya keaslian ukiran dia. Bila sendirian berhad ini kita nampak kita hendak pergi dia lagi jauh lagi hendak buat *mass product* [produk besar]. Maksudnya kita masuk teknologi itu yang masuk *CNC* [Computer Numerical Control] apa semua itu. *So* [Jadi] kita *nak* [hendak] supaya produk kita ini menjangkau kepada ramai lagi orang maksudnya. Kalau yang mampu maknanya hendak buat singgahsana dia pergi lah Pakatan Juru Ukir ini sebab nama dia memang sinonim kan. Tetapi kalau kita macam kita tidak kenal, kita nak buat ukir kayu lepas tu “Eh aku nak pergi Pakatan Juru Ukir” mana boleh. *So* [Jadi] orang takut “Ini mahal la ni sebab buat istana”. Okey sebab itu lah kita buat Juru Ukir Tradisional Sendirian Berhad. *So* [Jadi] kita buat macam-macam kita buat laser, *laser cut* [potongan laser] punya *artwork* [karya seni]. *Lepastu* [Selepas itu] kita buat *CNC* [Computer Numerical Control] *and then* [dan seterusnya] sekarang kita buat *trend* [perkembangan] sekarang *PVC board* [papan Polyvinyl chloride] – *board* [papan] itu yang putih itu. Itu pun kita buat juga sekarang. *So* [Jadi] itu maknanya salah satu cabangan kita boleh *maintain* [mengekalkan] supaya seni ukiran kita itu kekal lah maksudnya walaupun *material* [bahan] lain sebab kalau kita nak *maintain* [mengekalkan] kayu juga tidak boleh. Kayu sekarang dia naik satu tahun dua kali kurang-kurang naik harga kayu. Jadi kita kena pakai alternatif punya *material* [bahan]. *So* [Jadi] bila alternatif *maintain* [mengekalkan] *that means* [itu bermakna] *PVC* [Polyvinyl chloride] pun boleh ataupun orang kenal – ataupun kita boleh pakai *MDF board* [papan Medium-density fibreboard], *MDF board* [papan Medium-density fibreboard] ini berasaskan kayu juga. Jadi cumanya kita nak Melayu kan itu kita pakai

*design* [reka bentuk] kita lah. Jangan kita asyik pakai Timur Tengah yang bintang-bintang punya *maintain* [mengekalkan]. Ukiran Melayu pun boleh juga yang tebus tembus macam saya kata tadi. Itu lahirnya Juru Ukir Tradisional Sendirian Berhad.

**MZI : Okey macam mana encik mempromosikan kepada khalayak ramai ataupun pembeli?**

EMS : Kita satu *obviously* [jelas sekali] sekarang orang pergi *online* [atas talian], *IT* [Teknologi maklumat] apa semua. So [Jadi] kita ada *website* [laman sesawang] kita. Instagram pun kita ada. And then [Seterusnya] kita pergi juga *road show* [pameran]. Biasanya kita ada di bawah *MTIB, Malaysia Timber Industry Board* [Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia] aktif juga mempromosikan ukiran kayu. And then kita bawah kraftangan, kraftangan memang dia buat *every year* [setiap tahun] dekat Jalan Conlay biasanya dia buat Hari Kraf Kebangsaan kan. Saya pun ada buat buku, *a few of books* [beberapa buku]. Sekarang saya sudah buat dua buku dan ada lagi dua buku tengok lah senang-senang sikit. Sekarang ini *very busy* [sangat sibuk] sebab *lani* [sekarang ini] ada Agong baru masuk, Agong baru hendak ditabalkan bulan depan. So [Jadi] sekarang ini saya tengah siapkan dia punya istana dekat Istana Putrajaya, Istana Melawati. So [Jadi] untuk *preparation* [persiapan] dia masuk, biasanya Agong baru dia mesti hendak semua baru. Ganti pintu lama semua itu, tambah sana tambah sini. *Lepastu* [Selepas itu] *most fully* [kebanyakkan] ini pergi dekat tempat saya kerja dahulu, istana Jalan Duta. Mungkin banyak jugalah yang nak kena *repair* [baiki] sebab itu pun dah belas-belas tahun dah.

**MZI : Untuk setiap pesanan ataupun penghantaran ukir kayu, encik ada mempunyai sistem ataupun pasukan yang *handle* [uruskan] perkara ini?**

EMS : Ada macam bila kita dah sampai sampai *level* [tahap] ini maknanya kita kena ada pengkhususan lah. *So* [Jadi] kalau kita dekat kampung maknanya dia yang ukir, dia yang *design* [reka bentuk], dia yang tebuk dia dan jual. Macam saya kita ada *team* [pasukan] kita. Kita *design* [reka bentuk], *lepastu* [selepas itu] *team* [pasukan] yang buat komputer ini, *IT* [teknologi maklumat] kita ada satu *team* [pasukan]. *Lepastu* [Selepas itu], kita ada *management* [pengurusan] pengurus projek nama dia. *So* [Jadi] dia bukan tahu mengurus sahaja. Dia kena tahu juga ukiran lah maksudnya sebab dia mengurus projek ukiran nanti orang tanya ukiran dia tidak tahu. *So* [Jadi] maknanya dia *familiar* [biasa] dengan ukiran *so* [jadi] kita ada pengurus projek. *Lepastu* [Selepas itu] yang dekat bawah itu kita adalah yang teknikal punya yang buat tukang-tukang, jaga tukang, pengukir semua itu jadi ada tugas masing-masing lah. Maksudnya saya lebih kepada *design* [reka bentuk] lah sebab saya *design* [reka bentuk] ukiran kayu ini dia *sorang je* [seorang sahaja] sebenarnya. Kalau saya satu *company* [syarikat] itu *sorang* [seorang] ataupun saya lakarkan nanti *assistant* [pembantu] saya itu tambah-tambah sikit bagi tunjuk saya. Okey *ke* [ataupun] tidak, kalau tidak sesuai kita ubah tetapi dia *kena* [perlu] ada *design* [reka bentuk] lah yang menentukan. Ini mazhab Che Long, ini mazhab ini. *So* [Jadi] dia tidak lari daripada tema itu. *So* [Jadi] macam kita kalau orang datang dekat kita bawa *design* [reka bentuk] kita tidak berapa hendak, bukan sebab apa yang *you* [kamu] nak bawa *design* [reka bentuk]. *Because* [Sebab] kalau *you* [kamu] datang *design* [reka bentuk] untuk *you* [kamu]. Itu dah *privilege* [keistimewaan] bukan senang nak dapat kalau belikan macam apa Versace punya *design* [reka bentuk], Bonia punya kenapa nak bawa *you* [kamu] punya design tidak logik lah. Yang pentingnya *level* [tahap] yang pengurusan ini *kena* [perlu] ada supaya untuk cari *customer* [pelanggan], berurusan dengan *customer* [pelanggan] itu *kena*

[perlu] ada. Itu memang mula-mula sekali kena *set* [tetapkan] kalau hendak pergi jauhlah. Kalau projek kecil tidak mengapa. Kalau projek besar-besar ini dia kena ada sistem. Yang pentingnya pengurus projek itu penting sebab saya ketua tidak sebenarnya selalu ada dekat situ. *So* [Jadi] kena ada wakil kita, kita kan *nak* [hendak] ke hulu ke hilir. Hendak pergi tengok orang, pergi mengukir lah. *So* [Jadi] secara ringkasnya macam tu lah.

**FS : Jadi apa strategi pengurusan yang digunakan untuk mengekalkan operasi syarikat yang efisien?**

EMS : (Berpikir) Lebih kurang tadi jugalah. Satu kena ada hierarki maknanya masing-masing tahu tugas masing-masing. *Marketing* [Pemasaran], bahagian *marketing* [pemasaran] untuk memasarkan produk-produk kita sebab kita bukan sepanjang masa ada kontrak. *Time* [Semasa itu] *takde* [tiada] kontrak kita hendak buat apa. Tiada *income* [pendapatan] yang masuk makna kita kena buat yang kecil-kecil ini. *So* [Jadi] maksudnya kena ada *department* [jabatan] masing-masing.

## Bahagian 5 – Sumbangan

**FS : Jadi, apa pendapat encik mengenai perkembangan seni ukiran kayu dalam negara kita?**

EMS : *Slow* [Perlahan] sedikitlah sebab saya bercakap daripada segi pengalaman. *At one time* [Pada suatu masa] kita ada tujuh puluh orang pekerja dalam bidang ini. Kita saja .. tidak masuk orang lagi. *So* [Jadi] sekarang ini kita ada belas-belas je [sahaja] daripada tujuh puluh itu tinggal belas *and then* [dan selepas itu] dulu kita ada sepuluh pengusaha kayu campur daripada Kelantan dengan Terengganu. Sekarang Kelantan

semua sudah habis. Sekarang tinggal tiga *je* [sahaja] dekat Pantai Timur ini. Saya salah seorang daripadanya. *Lepastu* [Selepas itu], ada satu di Kuantan, Pahang. *So* [Jadi] dia makin kurang sebab satu saya cakap awal tadi modal insan. Kekurangan pekerja maknanya itu yang kritikal sebab seni ini dia melibatkan daripada bakat kita. Daripada segi kemahiran kita bukan kemahiran mesin, kemahiran tangan kita. *So* [Jadi] kalau orang itu kurang maksudnya kurang lah. *Lepastu* [Selepas itu], saya cuba supaya benda itu tidak laju sangat *kurang* [menurun]. *So* [Jadi] nak *slow* [perlahan] kan sikit dia punya . . . (berpikir) kejatuhan dia itu. *So* [Jadi] kita terpaksa pakai apa-apa sahaja teknologi yang ada. Kadang-kadang teknologi ini bagus juga sebab budak-budak ini dia malas hendak mengukir. Dia malas lah dia satu hari hendak duduk atas meja itu ketuk ketuk \_ \_ \_. Sebab diorang dibesarkan dengan telefon “tot tet tot tet” (bunyi telefon) jadi *diorang* [mereka] malas. Kalau saya tengok kita ada komputer, kita ada CNC [Computer Numerical Control] dia lain sikit, dia rajin sikit buat. Tetapi kalau ukir-ukir dia malas *so* [jadi] ukir-ukir itu kena juga kita cari *somewhere* [di suatu tempat]. *So* [Jadi] maksudnya hendakkekalkan itu nak *slow* [perlahan] kan dia punya kejatuhan dia itu maknanya kita kena *diversify* [mempelbagaikan]. *So* [Jadi] semua orang kena mainkan peranan. *As for you all* [Bagi kamu semua] kan daripada institusi pengajian tinggi. Sebab ada juga saya sedih. Saya baru ini ada projek dekat Cyberjaya ini dia ada satu *department* [jabatan] yang *handle* [uruskan] bahagian buat rumah, masjid pun ada juga. *So* [Jadi] ukiran kayu kan dia tanya saya “Ukir kayu ini buat dekat mana?” saya kata “Buat dekat Besut” jadi dia kata “Eh! Ada lagi ke orang buat ukiran kayu”. Itu profesional, arkitek. *So* [Jadi] dia kata dia ingat ukiran ini *mari* [dating] daripada *Indon* [Indonesia] “Eh! Kita ukiran Melayu lagi hebat pada *Indon* [Indonesia]”. *Indon* [Indonesia] tiada kualiti ukiran dia. *So* [Jadi] maksudnya

kena terapkan ke institusi-institusi pengajian tinggi ini. Dia kena ada satu tidak kisahlah *koko* [kokurikulum] tetapi . . Pengenalan mengenai ukiran kayu, apa dia ukiran kayu ni, apa lebihnya ukiran kayu ini. *So* [Jadi] maknanya bila dia keluar dia kerja nanti *that means* [itu bermakna] dalam dia punya fikiran dia melekatlah ukiran kayu ini kita punya budaya. Ada dalam kita, maknanya *takdelah* [tiadalah] “Eh *taktahu* [tidak tahu]. Ada ke ukiran kayu dekat Malaysia ini?” sampai *gitu* [macam itu] sekali. *So* [Jadi] itulah maknanya kita pun persatuan pengukir pun ada juga buat benda *engage* [terlibat] dengan *student* [pelajar]. Supaya biar dia tidak buat pun *at least* [sekurang-kurangnya] ilmu dia tahu. *At least* [Sekurang-kurangnya] dia tahu ukiran Melayu. *So* [Jadi] kalau masing masing *pakat* [saling] bantu rasanya boleh lah *maintain* [mengekalkan] tiada lah sedih. Saya pergi Korea kan, tempat yang mula-mula saya pergi saya pergi istana dia. Ada dua tiga istana saya pergi dekat Korea. Tidak sehebat ukiran kita pun, dia bukan ukir. Ukiran dia itu dia buat macam *shape* [bentuk], macam daun *shape* [bentuk] tetapi dia lukis, *colorful* [penuh warna], hijau, kuning, semua. *Lepastu* [Selepas it], saya cakap “Kita punya lagi hebat daripada dia punya”. Itupun dia punya lah jaga tidak nak bagi benda itu runtuh hilang. Tetapi *diorang* [mereka] tidak ada sudah buat. Kebanyakkan tempat yang saya pergi dia tinggalkan kesansejarah sahaja. Cuma tempat kita lagi ada. Okey lah nyawa ikan tetapi adalah.

**MZI : Okey dengan pengalaman encik ada dalam seni ukiran kayu ini, apa yang dapat dilakukan oleh encik untuk mengenali seni ukiran kayu ini?**

EMS : Itulah kita kena buat daripada segi teknologi, war warkan dari segi teknologi. Kalau kita sebarkan melalui Tiktok, ada *je* [sahaja] orang yang pandai buat. Tetapi satu lagi

kita kena *integrate* [mengintegrasikan] teknologi dalam penghasilan ukiran kayu. Itu memang pendapat saya lah memang menarik minat sebab saya cakap sebab anak saya pun macam itu juga. Bila kita bagi dia komputer, bagi dia program. “Haa ini buat bunga ini apa semua lah” dia buat. Lepastu terus dia buat *3D printer* [pencetak tiga dimensi] itu. So [Jadi] plastik keluar jadi lah pula. So [Jadi] maksudnya dia minat lah sebab benda yang berkaitan dengan teknologi ini untuk budak budak sekarang ini dia memang minat. Tetapi kalau suruh dia pergi bengkel ambil pahat, ambil tukul *takde* [tiada] apa lah kejap lagi tidak ada lah. Maksudnya tidak boleh cara lama kena buat secara baru. Kalau kita hendak pasar pun kena pasar cara baru iaitu saya ada buat program dengan *MTIB* [Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia] dia nak buat satu aplikasi *VR* [Virtual Reality] punya aplikasi. Maknanya *you* [kamu] masuk boleh tengok paparan komputer boleh, tetapi boleh pakai *VR goggles* [gogal Virtual Reality]. So [Jadi] bila kita masuk itu kita pusingkan kita tengok “Eh siku keluang dekat sini” *lepastu* [selepas itu] kita tengok dekat sini pula kerawang. *Lepastu* [Selepas itu], pergi jalan depan boleh buka pintu kan “Eh cantiklah”. So [Jadi] itu salah satu usaha daripada Kementerian (berpikir) Perusahaan dan Komoditi so [jadi] dia buat benda macam itu. So [Jadi] sudah menjadi suatu benda yang menarik lah maksudnya. So [Jadi] tidak boleh cara lama dah. So [Jadi] semua kena *move forward* [bergerak kehadapan] maksudnya. *Material* [Bahan] pun jangan fikir kayu lagi lah maksudnya pakailah *material* [bahan] apa yang ada. Kitakekalkan kita punya seni tetapi *material* [bahan] kita ubah. Sepuluh tahun lagi orang tidak mampu sudah beli kayu. Kayu yang kecil-kecil lah sekarang dan dahulu balak besar-besar.

**MZI : Bagaimanakah seni ukiran kayu dapat menyumbang kepada promosi budaya Malaysia di luar negara?**

EMS : Okey, maksudnya ukiran kayu ini kalau kita biasa pergi *oversea* [luar negara] dia ada satu pertandingan, Pertandingan Ukiran. Saya tidak sempat hendak masuk tetapi kawan saya dekat Pahang itu dia selalu pergi. Itu dia dapat juara dekat *oversea* [luar negara] lah pertandingan ukiran kayu. Tetapi lebihnya dia pakai motif flora. *Diorang* [Mereka] ukir beruang lah macam-macam lah dia ukir. Tetapi yang menang dia, sebab benda itu unik flora, cantik dia ukir daripada kayu setongkol. Jadi ukiran kayu ini memang unik kepada Malaysia. Vietnam pun ada buat ukiran, Indonesia pun ada buat. Tetapi ukiran Melayu ini unik, lain daripada orang lain. *So* [Jadi] dia penuh, padat dengan makna. *So* [Jadi] kalau kita cakap dengan *Mat Salleh* [orang Inggeris], kalau kita buat bagi *carving* [ukiran] “Cantik tak?” tetapi kalau kita cakap ini ukiran ini makna dia, daun ini maknanya gini. Kalau kita tengok daripada kesenian Picasso orang tengok Picasso “Eh amenda kan?”. Tetapi *once* [sekali] orang tu *explain* [terangkan] kenapa Picasso daripada *seringgit* [satu ringgit] itu terus jadi satu juta. *Lepastu* [Selepas itu], kan istilah Melayu macam itu juga. Maknanya ukiran Melayu ini dia boleh pergi sampai ke tahap itu *as long as* [asalkan] macam mana *you explain* [kamu terangkan] dekat dia. Apa yang *special* [istimewa] nya dekat ukiran kayu ini. Bukan kita main lukis lukis je [sahaja]. Kalau tidak semua orang boleh buat kan so [jadi] nak kena ada *balance* [keseimbangan] dia. Positif, negatif hendak kena ada dalam itu. *So* [Jadi] maknanya dia kualiti tinggi *carving* [ukiran]. *So* [Jadi] boleh diketengahkan sebagai budaya Malaysia lah. Maknanya antara aset Malaysia yang paling penting bagi saya lah ukiran kayu.

## Bahagian 6 – Harapan

**MZI : Apakah harapan encik terhadap industri seni ukiran untuk masa yang akan datang?**

EMS : Saya harap ia lebih berkembang lah. Tetapi saya tak ada lah *hopeful* [berharap] macam dahulu tetapi dalam konteks yang baharu maksudnya persekitaran yang baru. *So* [Jadi] maknanya kalau dulu kita dekat kampung. *So* [Jadi] aplikasi ukiran kayu ini beza ada pagar Musang lah. Tetapi dalam konteks baharu ini orang sekarang duduk dekat pangsapuri, kondo-kondo. Saya nak sangat supaya *at least* [sekurang-kurangnya] satu kondo itu ada satu ukiran kayu ke dekat pintu masuk dia. *So* [Jadi] itu mencerminkan budaya kita menjadi jati diri kita. Saya selalu juga pergi mesyuarat dengan orang kerajaan dengan kementerian bagi *suggestion* [cadangan]. Apa harapan kita cakap harapan kita supaya setiap rumah dekat Malaysia ini *at least* [sekurang-kurangnya] ada satu ukiran kayu. Sekeping pun tidak mengapa. Kalau *tak nak* [tidak mahu] kayu pun pakai lah *PVC* [Polyvinyl chloride] *at least* [sekurang-kurangnya] ada kesenian dekat situ. Sebab orang Melayu ini jiwa dia lembut sebenarnya. *So* [Jadi] dia mencerminkan kita punya budi pekerti kita semua. Itulah harapan saya maksudnya. *Government* [Kerajaan] pun kena main peranan jugalah. Kenalah *promote* [mempromosikan], *office* [pejabat] kerajaan itu ada lah *carving* [ukiran] sikit dekat *reception* [penerimaan tetamu] ke apa ke kan. Kalau kita pergi dekat Indonesia kan pergilah hotel mana-mana itukan, ukiran sebesar alam. Kita macam mana nak *bubuh* [letakkan] ukiran sebab kita punya cermin, gelas, *why not* [kenapa tidak] tidak payah pakai kayu pakai aluminium pun boleh ada *plasma cutter* [pemotong plasma]. Tetapi tengoklah kita punya motif, kita selit lah motif kita. *Material* [Bahan] berbeza kaca pun boleh. Saya pernah buat ukiran pakai kaca Samlas. Jadi 3D cantik apa itu dekat

Dewan Undangan Negeri Perak. Dia punya pintu kita pakai Samlas. So [Jadi] nampak *carving* [ukiran]. Tetapi orang tengok “Eh! Ukiran Awan Larat” dekat situ. Itulah harapan saya.

**MZI : Apakah pengetahuan atau kemahiran tambahan encik harap dapat dipelajari dalam bidang ini?**

EMS : Untuk saya tiada. Tetapi untuk *staff* [kakitangan], untuk kita punya *company* [syarikat] kita menggalakkan *diorang* [mereka] lah sebab ilmu dalam bidang teknologi inilah saya ada cerita sikit sini pasal VR [Virtual Reality] kan. VR [Virtual Reality] ini *very interesting* [sangat menarik] untuk kita mengetengahkan kita punya produk. *Sometimes* [Kadang-kadang] kita cakap siku kelawar, “Eh apa benda siku kelawar ini?”. So [Jadi] sesiku kita boleh tengok *through* [melalui] kita punya *presentation* [pembentangan] itu kan, VR [Virtual Reality] itu *very* [sangat] jelas boleh pergi ke rapat depan muka. So [Jadi] benda macam itulah kita kena tumpukan, terapkan. Saya ada teknologi baru *je* [sahaja]. *Laser cut* [Pemotong laser] saya itu dah dua biji dah *jammed* [rosak] kena beli baru lagi.

**MZI : Menggunakan teknologi dalam industri ini?**

EMS : Kena aplikasi teknologi dalam industri. Sebab teknologi kita ini sentiasa berubah. Dulu orang buat ukiran CNC [Computer Numerical Control], 2D sahaja sekarang boleh buat 3D, sekarang ada 4D. Dulu saya buat tiang Terengganu punya singgahsana. Kalau *you* [kamu] tengok yang bulat daun sirih dekat bawah itu. Itu ukir tangan, keliling. Sekarang ini dia mesin CNC [Computer Numerical Control] dia boleh ukir sekali tiang itu orang yang ambil kayu panjang then dia turun mata dia “zeek zeek zeek” (bunyi mesin) Esok siap *complete* [sepenuhnya] satu. Itu dia panggil 4D punya

*carving* [ukiran]. Lepastu 5D *coming soon* [akan datang]. Tetapi saya hendak kena belajar lagi lah, tetapi *that means* [itu bermakna] kita kena *willing to* [berhasrat untuk] terima . . . lah perubahan kita tidak boleh *stay* [kekal]. Kalau *you stay* [kamu kekal], *that means you* [itu maknanya kamu] hilang *gitu je* [macam itu] sajalah.

**MZI : Apakah harapan encik terhadap generasi sekarang yang berkecimpung dalam seni ukiran kayu ini?**

EMS : Saya hendak *diorang* [mereka] lebih orang kata lebih fokus lah. Sekarang ini cabaran terlalu banyak *so* [jadi] kalau *you* [kamu] fokus untuk ukiran kayu. *That means* [Itu bermakna] ukiran kayu ini boleh *sustain* [mengekal] lah. *You* [Kamu] boleh *sustain* [mengekal] ini sebab orang sudah sekarang ini kurang *explore* [teroka] benda itu. Tetapi kalau *you* [kamu] masuk, *you* [kamu] buat *that means you* [itu bermakna kamu] ada kelebihan yang orang lain ramai . *So* [Jadi] satu *satisfaction* [kepuasan] bagi *you* [kamu], tetapi *at same time* [dalam masa yang sama], *income* [pendapatan] bagi *you* [kamu] lah. Jadi saya nak juga orang yang berkecimpung dalam bidang ini dia *knowledgeable* [berpengetahuan] lah, ingin . . . nak merubah diri dia berusaha supaya boleh membawa ukiran kayu ini ke ke peringkat yang lebih tinggilah. Tidak kiralah dalam cara apa sekalipun. Teknik yang digunakan yang *try* [cuba] lah berubah. *Pak cik kita* [Bapa saudara saya] dulu pakai pahat, tukul *maybe you* [mungkin kamu] sekarang ini mungkin ada cara lain. Orang sudah ada *3D printer* [pencetak 3D] sudah, buat rumah pakai *3D printer* [pencetak 3D] lagi. *So* [Jadi] harapan saya lah yang untuk generasi baru ini kena berfikir makna bukan main buat *je* [sahaja] kena berfikir lah maksudnya, macam mana nak improve. Kita orang lama ini boleh bagi *advise* [nasihat] *je* [sahaja].

**MZI** : Bagaimanakah encik melihat potensi seni ukiran kayu di masa hadapan terutamanya dalam pasaran antarabangsa, seni ukiran kayu daripada Malaysia?

**EMS** : Potensi ada sebab *last year* [tahun lepas] rasanya dulu masa *PKP* [Perintah Kawalan Pergerakan] kita ada program di bawah *MTIB* [Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia] hendak pergi ke Dubai untuk pasarkan ukiran kayu di sana. Tetapi sebab sudah ada Covid tidak jadi. *So last year* [Jadi tahun lepas] dia orang buat juga tetapi saya tidak ikut serta. Ada *member* [kawan] pergi *so* [jadi] dia kata banyak *inquiry* [pertanyaan] daripada sana *Especially* [terutamanya] daripada Timur Tengah. Sebab *diorang* [mereka] boleh geng kita sebab kita pakai flora fauna kan. Kalau tengok bunga bunga dekat . . . Saya pernah pergi ke Mesir, Masjid Imam Syafie, saya ada ambil banyak ambil gambar bunga-bunga dia itu. *So* [Jadi] pernah saya ambil motif dia *design* [reka bentuk] saya tidak ingat *design* [reka bentuk] dekat mana tetapi pakai motif Masjid Imam Syafie. *So* [Jadi] maknanya dia memang minat pasal ukiran bunga Melayu ini kan. Cumanya kita tidak boleh hendak *supply* [bekalkan] sebab banyak. Dia tidak hendak *order* [pesan] satu keping dua keping keping. Dia *nak* [hendak] satu kontena dua kontena. Macam mana kita nak buat satu kontena dua kontena. Sebulan bukannya kata setahun, sebulan dua kontena *so* [jadi] maknanya potensinya ada *nak tak nak* [mahu atau tidak mahu] kita kena buat juga menggunakan teknologi. Saya *encourage* [menggalakkan] pakai teknologi pakai. Kerajaan ke apa bagi lah peluang kepada generasi muda itu. *Encourage* [Menggalakkan] *diorang* [mereka] “Okey buat lah” sebab *once* [sekali] dia orang datang dia tidak *order* [pesan] sikit, *diorang order* [pesan] banyak. Saya pun saya masuk Jalan Conlay itu HKK, Hari Kraf Kebangsaan. Datang *customer* [pelanggan] daripada Vietnam sama juga dia *developer* [pemaju] dia

buat kondo dekat dekat Vietnam hendak bunga dia lah saya kata *as long as* [selagi mana] bunga tidak apa, jangan ada gajah, *rimau* [harimau]. So [Jadi] dia kata okey dia hendak bunga Lotus. Boleh kita buat bunga Lotus kan. Dia tunjuk siapa, saya kata boleh buat, dia kata “*You* [Kamu] boleh supply dua kontena?” saya kata “Bila *you* [kamu] nak?” dia cakap “*Three months* [Tiga bulan]”. *Masatu* [Waktu itu] saya mesin CNC [Computer Numerical Control] ada satu kan, hancur saya kata. Kraf pun cakap juga “Oh! Betullah Zan kita tidak boleh pakai tangan lagi” dia kata *so* [jadi] kita kena pakai mesin kan. *So advice* [Jadi nasihat] lah supaya *buat* [menggunakan] mesin tetapi nampak kesenian itu tidak lari. Tetapi ukiran Melayu memang ada *demand* [permintaan] sebab bunga dia lain. Kalau dia pergi Vietnam, *you* [kamu] pergi ke Thailand bunga dia lebih kurang *je* [sahaja]. Indonesia cara dia.

**MZI : Bagaimana pula daripada Brunei kerana lebih kurang sama dengan Malaysia?**

EMS : (Berpikir) Brunei tidak ada *carving so far* [ukiran setakat ini]. Bunga Brunei ini lebih kepada macam bunga-bunga dekat Sabah Sarawak. Kesenian dia itu tidak berapa terserlah sangat lah. Sebab pakcik saya pun ada buat dekat sana. Jadi cikgu sana mengajar pasal bunga kita kepada orang Brunei.

**MZI : Apakah nasihat akan encik berikan kepada pengukir baru yang ingin memulakan kerjaya dalam bidang ini?**

EMS : Satu kena tekad, kesabaran yang tinggi maksudnya sebab benda kesenian ini tidak boleh kita langkah separuh kaki. Kena masuk terus dua kaki maksudnya tidak boleh macam satu, bidang yang batu loncatan, tidak menjadi. Ada setengah itu dia kata dia tiada kerja masa itu, tiba tiba mak kata “Kau duduk dekat rumah, pergilah mana-mana belajar” *so* [jadi] pergi lah belajar *carving* [ukiran] enam bulan. Lepastu tinggal, pergi

masuk *welding* [kimpalan] pula. So [Jadi] dia manusia kena tekad lah sebab melalui pengalaman saya kalau sepuluh orang yang datang hendak belajar *sorang je* [seorang sahaja] yang sembilan lagi itu tidak tahu di mana dah. Yang lekatnya seorang. Itu maknanya bidang ini bakat dengan ilmu sama-sama penting, bakat lima puluh, ilmu penting. Bakat ini dia daripada Tuhan kita lah Allah yang bagi ilham pada kita nak *design* [reka bentuk] apa semua itu. Kena asah bukan terus datang itu boleh buat, tidak. Dia kena asah, kena belajar juga kena ambil ilmu daripada ilmu itu barulah kita *develop* [menghasilkan]. *That's what* [Itu apa] saya belajar sebab ayah saya tidak ajar saya buat bunga-bunga sebab saya belajar *oversea* [luar negara], belajar buat bangunan. Dia tidak ajar, dia cuma ajar falsafah dan ajar *basic* [asas] macam mana nak penuhkan ruang. *Lepastu* [Selepas itu], bunga ke daun ke dia kata “Pandai pandai kau lah cari. Tengoklah apa yang kita sudah buat” so [jadi] kita belajar sendiri. So [Jadi] maknanya daripada bakat kita, biarlah kita pupuk minat kita dulu tahu dulu apa sebenarnya ukiran kayu. Bila dia tahu, tak kenal maka tak cinta. *So you* [Jadi kamu] dah kenal baru *you* [kamu] cinta. Macam saya bila kita dah dua-dua kaki masuk dalam bidang ini kita memang fokus. Okey kalau orang tengah pasang singgahsana itu saya tidak kemana saya duduk depan itu *je* [sahaja] hendak tunggu siap “Ui bila nak siap ini?” macam itu.

**FS : Terima kasih encik. Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Muhammad Salizan Bin Abdul Rahman yang digelar sebagai “*The Royal Carver*” bermula pada tahun dua ribu dua belas 2012. Jadi kami mengucapkan terima kasih atas kesudian dan kerjasama oleh encik dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini**

**dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang senibina dan arkitek para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.**

# **LAMPIRAN**

## LAMPIRAN

### Log Wawancara

Muhammad Zakir Ifuan Bin Mohd Nazri dan Fairuz Syairah Binti Abdul Karim menemubual Encik Mohd Salizan Bin Abd Rahman, yang dilahirkan pada 1969, di Terengganu. Temubual ini dijalankan secara atas talian menggunakan platform “Google Meet” di kediaman masing-masing, mengenai pengalaman beliau sebagai seorang pengukir kayu dan singgahsana yang berjaya.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH</b>		
0.00	Tokoh bercerita tentang latar belakang dan tempat tinggal.	Besut, Terengganu. Puchong, Kuala Lumpur.
0.01.42	Bercerita tentang status perkahwinan dan bilangan anak.	
0.02.00	Bercerita tentang hobi.	Mengembara satu Malaysia, memancing.
0.02.55	Latar belakang pendidikan tokoh.	Sekolah Rendah Ismail Petra, Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Bharu, Maktab Rendah Sains Mara Perlis, A Level di Kuala Lumpur, Diploma dan Ijazah di United Kingdom.
<b>BAHAGIAN 2: SENI UKIRAN KAYU</b>		
0.05.41	Bercerita tentang pengalaman bekerja dalam bidang ukiran kayu.	Telah bekerja selama 24 tahun.
0.06.29	Pengiktirafan beliau dalam bidang seni ukiran kayu.	“The Royal Carver”.
0.07.40	Bercerita tentang pengalaman yang telah membentuk cara beliau berkarya.	Rahman Long, Che Long, Latif Long, Bakawali.
0.08.57	Bercerita tentang sejarah berkenaan seni ukiran kayu.	Kesultanan Melaka, Eropah, Tanah Melayu.

0.11.02	Jenis kayu yang biasa digunakan.	Kayu cengal, kayu merbau, kayu nyatoh, kayu meranti, kayu seraya.
0.12.16	Bercerita tentang jenis corak dan teknik di dalam seni ukiran kayu.	Geometri, awan larat, tebuk tembus bersilat, tebuk separuh bersilat, tebuk tembus.
0.25.19	Peralatan asas yang perlu disediakan sebelum memulakan ukiran kayu.	Pahat, gergaji, CNC [Computer Numerical Control].
0.29.30	Cara memastikan ketelitian dan kesenian ukiran kayu.	

### BAHAGIAN 3: SINGGAHSANA DIRAJA

0.38.23	Bercerita tentang perbezaan seni ukiran kayu biasa dan diraja.	
0.42.13	Bercerita tentang singgahsana diraja yang pertama dihasilkan.	Istana Anak Bukit, Kedah, Istana Negara, Jalan Duta, Istana Syarqiyyah, Terengganu.
0.51.26	Warna dan motif yang sering digunakan dalam rekabentuk singgahsana.	Bunga raya.
0.53.14	Bercerita tentang peraturan dan pantang larang dalam pembuatan singgahsana diraja.	Orang istana akan memberi panduan.
0.56.32	Bercerita tentang ukiran lain yang dihasilkan di istana selain dari singgahsana.	Pintu, dinding, ukiran panel dinding.
1.00.00	Teknik pemuliharaan yang digunakan untuk memastikan singgahsana kekal dalam keadaan baik.	
1.02.31	Bercerita tentang perbezaan ukiran kayu di Malaysia dan di negara lain.	
1.04.45	Bercerita tentang reaksi atau maklumbalas dari pihak istana.	Istana Alam Shah, Klang, UiTM [Universiti Teknologi MARA], Shah Alam, Doktor Rosdi.

<b>BAHAGIAN 4 LATAR BELAKANG SYARIKAT PAKATAN JURU UKIR TRADISIONAL</b>		
1.11.41	Bercerita tentang latar belakang syarikat.	Ditubuhkan pada tahun 1975, 70 orang pekerja.
1.15.31	Cara mempromosikan produk khalayak ramai ataupun pembeli.	Laman web, Instagram, MTIB, Malaysia Timber Industry Board [Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia], Jalan Conlay, Hari Kraf Kebangsaan.
1.17.33	Bercerita tentang system ataupun pasukan yang menguruskan penghantaran ukiran kayu.	
1.20.28	Strategi pengurusan yang digunakan untuk mengekalkan operasi syarikat yang efisien.	Bahagian pemasaran.
<b>BAHAGIAN 5: SUMBANGAN</b>		
1.21.17	Pendapat mengenai perkembangan seni ukiran kayu dalam negara kita.	
1.26.25	Apa yang dapat dilakukan untuk mengenali seni ukiran kayu.	
1.29.23	Bercerita bagaimana seni ukiran kayu dapat menyumbang kepada promosi budaya Malaysia di luar negara.	Pertandingan Ukiran.
<b>BAHAGIAN 6: HARAPAN</b>		
1.31.37	Harapan terhadap industri seni ukiran untuk masa yang akan datang.	Berharap lebih berkembang.
1.34.05	Bercerita tentang pengetahuan atau kemahiran tambahan yang beliau harap dapat dipelajari dalam bidang ini.	
1.36.25	Harapan terhadap generasi sekarang yang berkecimpung dalam seni ukiran kayu ini.	

1.38.05	Potensi seni ukiran kayu di masa hadapan terutamanya dalam pasaran antarabangsa, seni ukiran kayu daripada Malaysia.	
1.41.42	Nasihat yang diberikan kepada pengukir baru yang ingin memulakan kerjaya dalam bidang ini.	Tekad, kesabaran yang tinggi.

## Diari Kajian

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
12:00 PM – 2:00 PM	21 Mac 2024	Penerangan tentang kajian sejarah lisan oleh Puan Nurulannisa dan membentuk Kumpulan yang terdiri daripada dua orang.	Kumpulan telah ditubuhkan dan perbincangan berkaitan tajuk dijalankan.
2:00 PM – 3:00 PM	18 April 2024	Proses menyediakan diari kajian dimulakan.	Ahli kumpulan berkerjasama untuk membuat diari kajian setelah selesai memilih tajuk kajian.
10:00 AM – 12:30 PM	21 April 2024	Memulakan pencarian berkaitan latarbelakang tokoh yang berkaitan dengan tajuk yang dipilih.	Membuat perbincangan terperinci dan pencarian tentang maklumat dan latarbelakang tentang tokoh yang dipilih iaitu Encik Salizan.
2:30 PM – 4:30 PM	23 April 2024	Menghubungi dan bertemu tokoh yang dipilih untuk mendapat persetujuan untuk ditemubual.	Ahli kumpulan bersama-sama pergi ke Besut, Terengganu untuk mendapatkan persetujuan Encik Salizan untuk ditemubual.
10:00 AM – 12:00 PM	30 April 2024	Menghasilkan abstrak kajian setelah mendapat persetujuan tokoh.	Abstrak kajian berjaya disiapkan.
8:30 PM – 10:30 PM	2 May 2024	Proses menghasilkan soalan temubuak	Soalan berkaitan dengan seni ukiran kayu dan singgahsana diraja berjaya disiapkan.

12:30 PM – 1:30 PM	16 May 2024	Mendapat bimbingan daripada Puan Nurulannisa mengenai soalan yang dihasilkan	Puan Nurulannisa memberi komen berkaitan soalan yang dihasilkan untuk penambahbaikan sebelum menjalankan temubual.
3:00 PM – 5:00 PM	23 May 2024	Membaiki semula soalan temuduga selepas bimbingan Puan Nurulannisa.	Pembaikkan soalan seperti penyusunan semula soalan dilakukan dan penambahan soalan seperti yang disarankan oleh Puan Nurulannisa.
12:18 PM – 1:15 PM	9 Jun 2024	Perbincangan bersama tokoh untuk penetapan tarikh temubual	Menghubungi Encik Salizan untuk berbincang berkaitan tarikh untuk menjalankan temubual bersama tokoh.
1:17 PM – 1:25 PM	10 Jun 2024	Memberi soalan untuk persediaan awal kepada tokoh.	Menghantar soalan yang telah disiapkan bagi persedian awal oleh tokoh.
2:31 PM – 4:17 PM	13 Jun 2024	Sesi temubual dijalankan bersama tokoh.	Temubual Bersama tokoh dijalankan di kediaman masing-masing menggunakan platform atas talian iaitu “Google Meet”. Setelah selesai kami berterima kasih kepada tokoh kerana sudi bekerjasama untuk menjayakan kajian ini.

4:17 PM – 4:25 PM	13 Jun 2024	Menyemak semula rakaman temubual yang telah dijalankan.	Ahli kumpulan menyemak rakaman temubual untuk memastikan rakaman tiada sebarang kecacatan dan berpuas hati dengan rakaman.
10:AM – 1:00 PM	20 Jun 2024 – 27 Jun 2024	Proses penghasilan transkrip bermula secara berperingkat	Proses untuk menyiapkan transkrip dijalankan secara berkala.
10:AM – 2:PM	29 Jun 2024	Proses menghasilkan log temubual dijalankan	Proses ini menggunakan laptop dan aplikasi musik dan video untuk mendapatkan kejelasan semasa menyiapkan log temubual
8:00 PM – 11:00 PM	1 Julai 2024	Transkrip berjaya dihasilkan	Transkrip berjaya dihasilkan dengan tanda baca dan format yang betul berdasarkan rakaman temubual yang telah dihasilkan.

## **Senarai Soalan**

### **SOALAN YANG DIGUNAKAN DALAM TEMUBUAL BERSAMA TOKOH:**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang tokoh seni ukiran kayu dan senibina singgahsana diraja. Bersama-sama kami ialah Encik Mohd Salizan Bin Abd Rahman yang merupakan seorang yang diberi gelaran “*The Royal Carver*” pada tahun 2012. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 13 Jun 2024 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 2.31 petang secara atas talian menggunakan “*Google Meet*”. Temubual ini dikendalikan oleh Muhammad Zakir Ifuan Bin Mohd Nazri dan Fairuz Syairah Binti Abdul Karim. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

#### **Bahagian 1- Latar Belakang Tokoh**

1. Apakah nama encik?
2. Berapakah umur encik?
3. Dimanakah encik dilahirkan?
4. Dimanakah tempat menetap encik sekarang?
5. Adakah encik sudah berkahwin?
6. Berapakah bilangan anak encik?
7. Adakah encik mempunyai adik beradik lain?
8. Apakah hobi encik diwaktu lapang?
9. Dimanakah encik memulakan persekolahan rendah?
10. Bolehkah encik bagitahu pada tahun berapakah encik mula bersekolah?
11. Dimanakah encik belajar ketika sekolah menengah?
12. Adakah encik melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi?
13. Apakah kursus-kursus profesional lain yang pernah diikuti?
14. Apakah pengalaman kerja encik?

#### **Bahagian 2 – Seni Ukiran Kayu**

15. Berapa lamakah encik didalam bidang seni ukiran kayu?
16. Apakah pengiktirafan encik didalam bidang seni ukiran kayu?
17. Adakah terdapat pengalaman atau kenangan tertentu yang telah membentuk cara encik berkarya?
18. Apakah yang mendorong encik melibatkan diri dalam seni ukiran kayu. Adakah diatas

dasar minat atau sebaliknya?

19. Boleh encik ceritakan sedikit sejarah berkaitan seni ukiran kayu?
20. Apakah jenis kayu digunakan?
21. Apakah faktor-faktor yang perlu diambil kira sebelum memilih jenis kayu untuk sesuatu karya?
22. Bagaimanakah kayu diperoleh untuk membuat seni ukiran?
23. Apakah jenis kayu yang paling mencabar untuk diukir, dan bagaimana encik mengatasinya?
24. Apakah jenis corak didalam seni ukiran kayu?
25. Berapakah jenis teknik didalam seni ukiran kayu?
26. Teknik yang manakah yang selalu digunakan di dalam seni ukiran kayu?
27. Apakah inspirasi untuk setiap corak yang digunakan dalam ukiran?
28. Adakah terdapat gaya atau motif khas yang encik cipta sendiri dalam seni ukiran kayu?
29. Apakah produk pertama yang dihasilkan oleh encik?
30. Bagaimanakah encik menggabungkan unsur-unsur budaya atau sejarah dalam karya ukiran kayu encik?
31. Apakah peralatan asas yang perlu disediakan untuk memulakan seni ukiran kayu?
32. Berapa lamakah proses untuk menyiapkan sesebuah ukiran?
33. Bagaimanakah encik memastikan ketelitian dan kesenian dalam setiap butiran ukiran kayu?
34. Adakah teknologi moden digunakan untuk membuat ukiran kayu?
35. Adakah encik menggunakan seni ukiran kayu moden atau tradisional dan apakah perbezaan bagi kedua seni ukiran tersebut?
36. Bagaimana encik menyesuaikan diri dengan perubahan dalam industri ukiran kayu, seperti penggunaan teknologi moden?
37. Bagaimanakah encik memastikan setiap karya seni ukiran kayu mengekalkan ciri-ciri tradisionalnya sambil memenuhi cita rasa moden?
38. Apakah cabaran terbesar yang encik hadapi dalam memastikan karya seni ukiran kayu kekal relevan dalam pasaran moden?

### Bahagian 3 – Singgahsana Diraja

39. Mengikut kajian kami encik pernah terlibat dalam penghasilan singgahsana diraja jadi apakah perbezaan seni ukiran kayu biasa dan diraja?

40. Boleh encik ceritakan sedikit tentang apa itu singgahsana istana?
41. Dimanakah singgahsana diraja pertama yang dihasilkan oleh encik?
42. Bagaimana encik berkolaborasi dengan pihak istana dalam proses pembuatan singgahsana diraja?
43. Apakah perbezaan antara singgahsana diraja yang digunakan untuk majlis rasmi dan tidak rasmi?
44. Apakah elemen-elemen utama yang perlu ada dalam reka bentuk singgahsana diraja?
45. Bagaimanakah encik memastikan ketelitian dan kesenian dalam setiap butiran ukiran kayu bagi singgahsana diraja?
46. Apakah inovasi yang encik gunakan dalam pembuatan singgahsana diraja tanpa menjaskan aspek tradisionalnya?
47. Adakah teknologi moden digunakan dalam pembuatan singgahsana diraja?
48. Apakah persediaan sebelum pembuatan singgahsana diraja?
49. Biasanya berapa lamakah masa yang digunakan untuk menyiapkan singgahsana diraja?
50. Apakah jenis kayu dan bahan yang digunakan dalam pembuatan singgahsana diraja?
51. Apakah warna dan motif yang sering digunakan dalam reka bentuk singgahsana diraja, dan apakah maksud simboliknya?
52. Bagaimanakah encik memastikan bahawa setiap singgahsana diraja mencerminkan warisan dan identiti istana tertentu?
53. Adakah terdapat peraturan atau pantang larang dalam pembuatan singgahsana diraja?
54. Bagaimanakah encik memastikan bahawa singgahsana diraja mematuhi protokol dan standard yang telah ditetapkan?
55. Adakah terdapat kisah atau sejarah unik di sebalik mana-mana singgahsana diraja yang pernah encik hasilkan?
56. Proses pembuatan singgahsana diraja yang manakah paling encik tidak dapat lupakan?
57. Selain daripada singgahsana, adakah terdapat ukiran lain di istana yang encik hasilkan?
58. Pada pendapat encik, singgahsana yang manakah paling terulung yang telah dihasilkan?
59. Apakah teknik pemuliharaan yang digunakan untuk memastikan singgahsana diraja kekal dalam keadaan baik dan mengekalkan ketelitian ukirannya?
60. Adakah seni ukiran kayu di Malaysia berbeza dengan seni ukiran di negara lain, dan bagaimana perbezaan tersebut?
61. Apakah cabaran terbesar dalam menyiapkan singgahsana diraja, terutamanya apabila melibatkan perincian yang rumit?

62. Apakah reaksi atau maklum balas dari pihak istana terhadap singgahsana yang telah dihasilkan?
63. Bagaimana encik merasakan bahawa keistimewaan singgahsana diraja dapat terus relevan dalam masyarakat moden hari ini?

#### Bahagian 4 – Latar belakang Syarikat Pakatan Juru Ukir Tradisional

Dari kajian kami, encik telah menubuhkan satu syarikat yang diberi nama Pakatan Juru Ukir Tradisional. Boleh encik ceritakan.....

64. Dimanakah lokasi syarikat encik?
65. Berapa lamakah syarikat encik beroperasi?
66. Bagaimanakah syarikat encik beroperasi?
67. Berapa ramai pekerja di dalam syarikat tersebut?
68. Apakah inspirasi encik untuk membangunkan syarikat encik?
69. Bagaimanakah encik mempromosikan karya encik kepada khalayak atau pembeli?
70. Apakah produk pertama yang dihasilkan oleh syarikat encik?
71. Adakah encik pernah menggunakan platform dalam talian untuk memasarkan karya ukiran kayu encik?
72. Adakah encik mempunyai sistem atau pasukan khusus untuk menguruskan pesanan dan penghantaran karya ukiran kayu?
73. Apakah cabaran terbesar yang encik hadapi ketika mula-mula berkecimpung dalam seni ukiran kayu?
74. Apakah strategi pengurusan yang digunakan untuk mengekalkan operasi syarikat yang efisien?
75. Adakah encik merancang untuk meluaskan syarikat atau mencipta jenama yang lebih besar untuk karya ukiran kayu encik?
76. Adakah encik percaya bahawa karya seni ukiran kayu dapat bersaing dengan produk seni lain dalam pasaran?
77. Bagaimana encik berinteraksi dan membina hubungan dengan komuniti pengukir kayu lain?
78. Adakah encik merasakan bahawa terdapat persaingan atau kerjasama antara pengukir kayu dalam industri ini?

## **Bahagian 5 - Sumbangan**

79. Apa pandangan encik mengenai perkembangan seni ukiran kayu dalam negara kita?
80. Bagaimana encik percaya hasil karya encik telah menyumbang kepada pemeliharaan dan penyebaran warisan seni ukiran kayu?
81. Bagaimanakah encik melihat peranan teknologi dalam memajukan seni ukiran kayu?
82. Dengan pengalaman yang ada dalam seni ukiran kayu, apa yang dapat dilakukan oleh encik untuk menarik minat masyarakat untuk mengenali seni ukiran kayu?
83. Bagaimana encik dapat memberi inspirasi kepada orang lain yang ingin mengejar kerjaya seni ukiran kayu?
84. Adakah encik menawarkan latihan atau program pendidikan untuk individu yang berminat dalam seni ukiran kayu?
85. Adakah encik mempunyai anak didik untuk mewarisi seni ukiran kayu?
86. Adakah encik merasakan bahawa seni ukiran kayu masih relevan dalam masyarakat moden hari ini, dan mengapa?
87. Apa rancangan dan projek yang encik ada pada masa akan datang untuk membawa perubahan dalam industri seni ukiran kayu?
88. Bagaimanakah seni ukiran kayu dapat menyumbang kepada promosi budaya Malaysia di luar negara?

## **Bahagian 6 – Harapan**

89. Apakah harapan encik terhadap industri seni ukiran kayu untuk masa yang akan datang?
90. Adakah encik berharap suatu hari nanti industri seni ukiran kayu akan lebih dihargai?
91. Bagaimanakan pandangan encik terhadap industri seni ukiran kayu pada ketika ini?
92. Apakah pengetahuan atau kemahiran tambahan yang encik harap dapat pelajari dalam bidang ini?
93. Adakah encik mempunyai harapan yang belum dicapai? Boleh encik kongsikan sedikit?
94. Apakah pandangan dan harapan encik terhadap industri seni ukiran kayu untuk terus kekal?
95. Bagaimanakah encik berharap untuk sentiasa diingati?
96. Bagaimanakah encik berharap untuk seni ukiran kayu sentiasa diingati?
97. Apakah pengajaran utama yang encik pelajari ketika dalam kerjaya seni ukiran kayu ini?
98. Apakah harapan encik terhadap generasi yang berkecimpung dalam seni ukiran kayu?

99. Bagaimanakah encik melihat potensi seni ukiran kayu di masa depan, terutamanya dalam pasaran antarabangsa?
100. Apakah nasihat yang akan encik berikan kepada pengukir kayu baru yang ingin memulakan kerjaya dalam bidang ini?

## **Penutup**

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Mohd Salizan Bin Abd Rahman serorang yang digelar sebagai “*The Royal Carver*” bermula pada tahun 2012. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang senibina dan arkitek para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.



*Gambar 3: Dokumentasi bertajuk The Royal Carver oleh Discovery Channel*

## Indeks

A	CNC 14, 15, 16, 33, 37, 42
anak	19, 23, 39, 48, 49, 55
Anak Bukit	D
<i>architecture</i>	4, 5, 22
Arkib Negara	32
<i>artwork</i>	33
B	E
<i>background</i>	22
baiki	16, 34
Bank Bumi	32
besar	18, 19, 20, 21, 22, 25, 30, 33, 36, 39, 58
Beseri	4
Besut	2, 13, 37, 48, 52
beli	39, 42
bentuk	7, 9, 11, 12, 15, 16, 17, 19, 22, 23, 24, 25, 26, 28, 30, 32, 34, 35, 38, 44, 46, 49
bina	1, 4, 5, 22
bunga	9, 10, 11, 12, 13, 23, 24, 25, 26, 28, 30, 31, 32, 39
<i>business</i>	5, 6
Brunei	45
C	J
<i>Cantilever</i>	22
<i>Carver</i>	1, 6, 46, 48, 55, 60, 63
<i>carving</i>	6, 12, 13, 15, 26, 27, 28, 40, 41, 42, 43, 45
cengal	7, 8, 19, 26, 27, 49
	33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41
	K
	kayu 1, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 17, 18, 19, 20, 21, 24, 26, 27, 28, 32
D	
Diraja	1, 18, 19, 23, 29, 49, 52, 55, 56, 57, 58
Dokumentasi	63
Dubai	44
E	
<i>Europe</i>	7, 17
F	
fauna	44
flora	7, 9, 28, 40, 44
H	
hobi	3, 48, 55
Hari Kraf Kebangsaan	34, 44, 50
I	
Indonesia	18, 37, 40, 41, 45
istana	6, 12, 13, 18, 19, 20, 21, 23, 24, 25, 26, 27, 29, 30, 31, 33, 34, 38, 49, 57, 58
IT	34, 35
J	
jenis	7, 8, 10, 11, 12, 23, 49, 56, 57
Juru	32, 33, 34, 50, 58, 62
K	
kayu	1, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 17, 18, 19, 20, 21, 24, 26, 27, 28, 32

- |                                                                                                        |                                                                                 |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------|
| 42, 43, 44, 48, 52, 55, 56, 57, 58,                                                                    | P                                                                               |
| 59, 60                                                                                                 | Pahang 13 , 37, 40                                                              |
| Kedah 12, 19, 20, 49                                                                                   | Pakatan Juru Ukir Tradisional 32                                                |
| Kelantan 12, 13, 36                                                                                    | Pantai Timur 13, 37                                                             |
| keluang 17, 39                                                                                         | pengukir 1, 9, 10, 13, 16, 18, 25, 26, 32, 35,<br>38, 45                        |
| kemboja 9                                                                                              | pepulut 10, 12                                                                  |
| kesidang 9, 10, 12, 23                                                                                 | Perak 12, 29, 42                                                                |
| Kuala Lumpur 2, 4, 5, 48                                                                               | Perlis 3, 4, 12, 27, 31, 32                                                     |
| KLIA 5                                                                                                 | Persatuan Pengukir Malaysia 18                                                  |
| komputer 16, 35, 37, 39                                                                                | popular 8, 11, 13                                                               |
| <br>                                                                                                   |                                                                                 |
| L                                                                                                      | profesional 4, 14, 31, 37                                                       |
| laser 33, 42                                                                                           | proposal 26, 29, 30                                                             |
| <br>                                                                                                   |                                                                                 |
| M                                                                                                      | Puchong 2                                                                       |
| <i>maintenance</i> 26,27                                                                               | pucuk kacang 10, 12, 24                                                         |
| Malaysia 1, 3, 12, 18, 19, 20, 23, 24, 28,<br>32, 34, 38, 39, 40, 41, 44, 45, 48,<br>49, 50, 51, 57,59 | Q                                                                               |
| meranti 8, 49                                                                                          | <i>quality control</i> 16                                                       |
| merbau 7, 8, 19, 27, 49                                                                                | R                                                                               |
| MTIB 34, 39, 44, 50                                                                                    | Rahman Long 6                                                                   |
| Muzium Negara 32                                                                                       | Raya 9, 10, 11. 23                                                              |
| <br>                                                                                                   |                                                                                 |
| N                                                                                                      | <i>repair</i> 16, 34                                                            |
| negeri 1, 12, 19, 23, 42                                                                               | S                                                                               |
| nyatoh 8, 19, 27                                                                                       | sejarah 1, 3, 6, 7, 17, 31, 38                                                  |
| <br>                                                                                                   |                                                                                 |
| O                                                                                                      | sekolah 3,4,17                                                                  |
| <i>online</i> 14, 34                                                                                   | seni ukiran kayu 5, 6, 13, 17, 18, 36, 38, 39,<br>43, 44                        |
| <i>oversea</i> 4, 28, 29, 40, 46                                                                       | seraya 8, 19                                                                    |
| <i>start</i> 13, 15, 20, 24, 32                                                                        | singgahsana 1, 6, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 24,<br>25, 26, 27, 31, 32, 33, 42, 46 |
| <br>                                                                                                   |                                                                                 |
| sobek 8, 14                                                                                            |                                                                                 |

*style* 6, 20, 21

Syarqiyyah 20, 21

Z

zaman 28

## T

tahun 1, 3, 4, 5, 6, 13, 17, 18, 27, 32, 33, 34,  
39, 44, 46

Tanah Melayu 7

tebuk separuh bersilat 11

tebuk tembus 11, 13, 16, 17, 34

tebuk tembus bersilat 11

teknologi 14, 16, 17, 26, 29, 30, 33, 34, 35,  
37, 38, 39, 42, 44

Terengganu 1, 2, 13, 20, 21, 23, 36, 42

The Royal Carver 1, 46

Timur Tengah 9, 34, 44

## U

ukiran 1, 3, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14,  
15, 16, 17, 18, 19, 21, 23, 24, 25, 26,  
27, 28, 29, 30, 31, 32, 33, 34, 35, 36,  
37, 38, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 46

United Kingdom 4

urat 7, 8, 9, 19, 23

## V

VR 39,42

## W

*wall panelling* 25

*wallpaper* 21

wayang kulit 11, 17

*website* 17, 34